



KANDUNGAN

FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021

iv

Tingkatan 4

BAB 1	Warisan Negara Bangsa	1
BAB 2	Kebangkitan Nasionalisme	5
BAB 3	Kebangkitan Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita	9
BAB 4	Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita	13
BAB 5	Persekutuan Tanah Melayu 1948	17
BAB 6	Ancaman Komunis dan Pengisytiharan Darurat	21
BAB 7	Usaha ke Arah Kemerdekaan	25
BAB 8	Pilihan Raya	29
BAB 9	Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957	33
BAB 10	Pemasyhuran Kemerdekaan	37

BAB 1	Kedaulatan Negara	41
BAB 2	Perlembagaan Persekutuan	45
BAB 3	Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen	49
BAB 4	Sistem Persekutuan	53
BAB 5	Pembentukan Malaysia	58
BAB 6	Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia	62
BAB 7	Membina Kesejahteraan Negara	66
BAB 8	Membina Kemakmuran	70
BAB 9	Dasar Luar Malaysia	74
BAB 10	Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia	78

KERTAS MODEL SPM 1	84
---------------------------	----

KERTAS MODEL SPM 2	93
---------------------------	----

FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN

SPM MULAI TAHUN 2021

BAGI MATA PELAJARAN SEJARAH (1249)

BIL	PERKARA	KERTAS 1 (1249/1)	KERTAS 2 (1249/2)	
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis		
2	Jenis Item	Objektif Aneka Pilihan	Subjektif Respons Terhad Subjektif Respons Terbuka	
3	Bilangan Soalan	40 soalan (Jawab semua soalan)	Bahagian A 4 Soalan Respons Terhad (40 markah) (Jawab semua soalan) Bahagian B 5 Soalan Respons Terbuka (60 markah) (Jawab 3 soalan)	
4	Jumlah Markah	40 markah	100 markah	
5	Konstruk	<ul style="list-style-type: none"> • Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta 	
6	Tempoh Ujian	1 jam	2 Jam 30 minit	
7	Cakupan Konteks	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan 5)		
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2		
9	Kaedah Penskoran	Dikotomus	<ul style="list-style-type: none"> • Analitik • Holistik 	

**Soalan Topikal Struktur**

1 Kemunculan dan kemasyhuran kerajaan Alam Melayu membuktikan asas negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat.

- (a) Nyatakan kerajaan Alam Melayu yang muncul di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat.

[2 markah]

- (b) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

[4 markah]

- (c) Bagaimakah cara memelihara warisan bangsa supaya berkekalan? Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

1 (a) Kerajaan di Tanah Besar

- Funan
- Angkor
- Champa
- Kedah Tua
- Gangga Nagara

Kerajaan di Kepulauan

- Majapahit
- Srivijaya

[Mana-mana fakta berkaitan]

(b) Raja

- Tonggak utama kerajaan
- Dibantu oleh para pembesar
- Memperoleh ketaatan daripada rakyatnya
- Raja sentiasa ditaati dan dianggap suci

Undang-undang

- Memastikan kesejahteraan kerajaan
- Terpakai di seluruh wilayah pengaruh / Panduan dalam pentadbiran kerajaan

Wilayah pengaruh

- Kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja

Rakyat

- Penduduk di dalam sesebuah wilayah yang setia kepada raja

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) • Menanam rasa cinta kepada warisan bangsa

- Mewarisi budaya bangsa
- Menjadikan warisan UNESCO
- Menubuhkan pusat mempelajari warisan negara

[Mana-mana fakta berkaitan]

2 Hubung kait pemerintah dan rakyat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka selaras dengan konsep *waadat* iaitu perjanjian yang dibuat antara keduanya.

(a) Mengapakah *waadat* sangat penting kepada sebuah negara seperti Malaysia?

[2 markah]

(b) Hubung kait pemerintah dan rakyat masa kini wujud dalam sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara kita.

Buktikan sistem ini masih relevan dan penting kepada negara Malaysia sehingga kini.

[4 markah]

(c) Mengapakah institusi beraja di negara kita perlu dipertahankan? Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Hubungan timbal balik pemerintah dan rakyat
 - Taat setia rakyat kepada pemerintah
 - Pemerintah bertanggungjawab menjaga kebijakan rakyat
 - Rakyat tidak boleh menderhaka. Jika menderhaka akan terkena tulah
 - Waadat hari ini adalah perjanjian antara raja, kerajaan dan warganegara

(b) **Raja melindungi rakyat pelbagai kaum**

- Agar wujud keadaan aman dan harmoni

Kebebasan beragama

- Rakyat bebas mengamalkan agama masing-masing

Wujud perpaduan kaum

- Raja menjadi simbol perpaduan

Melindungi hak orang Melayu

- Agar hak dan keistimewaan orang Melayu terpelihara

Melindungi agama Islam

- Raja menjadi ketua agama Islam bagi negeri sendiri dan negeri lain – seperti Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c)

- Lambang / simbol penyatuan rakyat

- Warisan tradisi sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka

- Tumpuan taat setia rakyat

- Kestabilan negara dapat dikekalkan

- Menarik pelancong datang ke Malaysia

- Dinyatakan dalam Perlembagaan Malaysia

- Raja merupakan ketua negara

- Raja lambang kedaulatan negara

- Lambang keamanan negara

- Lambang perpaduan rakyat

[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei



1 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran, peraturan, masyarakat yang tersusun dan corak politiknya yang tersendiri bagi membentuk negara bangsa.

(a) Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

[4 markah]

(b) Terangkan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

[8 markah]

(c) Sebagai rakyat Malaysia, kita harus bersatu padu untuk mengukuhkan pembentukan sebuah negara bangsa.

Apakah rasa kebersamaan yang perlu diamalkan oleh bangsa Malaysia?

Beri hujah anda.

[8 markah]

- 2 (a)
- Kerajaan, rakyat, kedaulatan, wilayah pengaruh, undang-undang dan lambang kebesaran
 - Menggambarkan pembentukan negara bangsa yang kukuh

(b) **Kerajaan**

- Muncul disebabkan oleh adanya raja
- Pemerintahan beraja diperkuuh dengan Sistem Pembesar Empat Lipatan
- Selepas kedatangan Islam, pemerintah menggunakan gelaran sultan

Rakyat

- Taat setia kepada Sultan Melaka
- Golongan diperintah-golongan merdeka dan hamba
- Kesejahteraan rakyat Melaka dijamin oleh sultan, rakyat mengakui kekuasaan sultan
- Hubungan timbal balik mewujudkan persefahaman dan ikatan

Kedaulatan

- Lambang kekuasaan tertinggi seseorang sultan
- Diakui oleh kerajaan lain
- Bebas daripada campur tangan kuasa asing

Wilayah pengaruh

- Kawasan pemerintahan raja diakui oleh rakyat
- Diperoleh melalui penaklukan, naungan dan perkahwinan
- Wilayah pengaruh yang luas membuktikan kewibawaan pemerintah

Undang-undang

- Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka
- Mengukuhkan kerajaan dan melindungi rakyat

Lambang kebesaran

- Merupakan identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan Sultan Melaka
- Simbol kedaulatan sultan yang memerintah
- Contoh: adat istiadat, penggunaan warna, nobat, regalia dan cap mohor
[Mana-mana fakta berkaitan]

(c)

- Mengikuti sistem pendidikan yang sama
- Menghayati kebudayaan kebangsaan
- Mengamalkan prinsip Rukun Negara
- Mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara
- Berbangga sebagai rakyat Malaysia

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Undang-Undang Laut Melaka diusahakan oleh beberapa nakhoda Melaka, iaitu Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri dan Nakhoda Sahak. Undang-undang ini diperkenan oleh Sultan Mahmud Shah dan mengandungi antaranya termasuklah perkara berkaitan dengan peranan nakhoda, pelayaran, jenayah di atas kapal dan percuaian.
- (a) Nyatakan peranan anak kapal berdasarkan Undang-Undang Laut Melaka.

[4 markah]

- (b) Jelaskan tentang Undang-Undang Laut Melaka yang diamalkan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

[8 markah]

- (c) Kesultanan Melayu Melaka merupakan sebuah kerajaan perdagangan terkenal yang menjadi tumpuan pedagang seluruh dunia.
- (i) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka sebuah kerajaan terkenal.

[4 markah]

- (ii) Apakah peranan kerajaan dalam memantapkan kestabilan dan kemajuan negara kita?
Beri hujah anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Nakhoda – ketua kapal dianggap ‘raja’ di dalam kapal
 - Jurumudi (Malim) – yang menentukan arah / dianggap ‘bendahara’ dalam kapal
 - Jurubatu – pegawai yang mengukur kedalaman laut dianggap sebagai ‘temenggung’ di dalam kapal
 - Tukang Kanan, Tukang Kiri, Tukang Agung – sida-sida di dalam kapal
 - Jurubatu Kanan, Jurubatu Kiri, Gantung Layar, Senawi – pegawai khas dalam kapal yang bertanggungjawab kepada nakhoda
 - Awak-Awak – anak kapal yang bertanggungjawab kepada tukang
- [Mana-mana fakta berkaitan]

(b) **Peranan nakhoda**

- Berkuasa penuh
- Semua pihak harus mematuhi arahan
- Fasal 13.1 – Diberikan keutamaan berniaga selama empat hari

Pelayaran

- Peranan jurumudi, malim dan jurubatu
- Menjadikan pelayaran selamat dan lancar

Jenayah

- Menggugat ketenteraman dan keselamatan isi kapal
- Meliputi perbuatan mencuri, membunuh dan memberontak

Percuaian

- Percuaian yang sistematis dan adil
 - Pelbagai cukai dikenakan dalam urusan pelayaran
- [Mana-mana fakta berkaitan]

(c) (i)

- Sistem pentadbiran yang unggul dan tersusun
- Rakyat sentiasa patuh kepada perintah dan undang-undang
- Mengamalkan undang-undang sistematis
- Undang-Undang Laut Melaka yang diamalkan menjadikan urusan perdagangan cekap

(ii)

- Membuat dasar tertinggi negara
 - Mewujudkan keamanan negara
 - Membasmi kemiskinan rakyat
 - Membangunkan prasarana negara
- [Mana-mana jawapan munasabah]




Video PdPR

Tingkatan 4

Soalan Topikal Struktur

1 Nasionalisme di Barat berkembang hasil daripada penentangan terhadap pemerintahan beraja yang menjadi simbol penindasan yang menggugat hak dan kebebasan rakyat.

(a) Gambar berikut merujuk seorang tokoh falsafah Inggeris. Apakah yang anda tahu tentang ‘Pemikiran John Locke’?



John Locke

[4 markah]

(b) Berikut merupakan revolusi yang tercetus di Barat hasil daripada perkembangan idea nasionalisme.

Revolusi Keagungan

Revolusi Amerika

Revolusi Perancis

Terangkan satu daripada revolusi di atas.

[8 markah]

- 1 (a)
- Menggubal Bill of Rights
 - Menghasilkan karya Two Treatises of Government
 - Menolak konsep pemerintahan raja berkuasa mutlak
 - Undang-undang digubal bagi memenuhi hak asasi manusia

(b) Revolusi Keagungan (1688)

- Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat
- Raja James II membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang
- Ahli parlimen menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak
- Raja James II melarikan diri ke Perancis
- Peralihan kuasa berlaku secara aman tanpa pertumpahan darah

Revolusi Amerika (1776)

- Merupakan reaksi orang Amerika menentang penjajahan British
- British tidak melindungi hak penduduk Amerika
- Penduduk Amerika menentang akta yang diperkenalkan
- Penduduk tanah jajahan di Amerika melaungkan slogan “tiada cukai tanpa perwakilan”
- Pemimpin di tanah jajahan menuahkan kongres
- Kongres meluluskan Perisytiharan Kemerdekaan Amerika
- Revolusi Amerika berakhir pada tahun 1783
- British mengakui kemerdekaan Amerika

Revolusi Perancis (1789)

- Memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan
 - Oleh golongan pemikir Perancis seperti Jean Jacques Rousseau (Rousseau) dan Voltaire
 - Rousseau telah menulis ‘The Social Contract’
 - Suara rakyat digelar sebagai “hasrat umum”
 - Golongan revolusi menggempur penjara Bastile, membebaskan tahanan politik dan seterusnya menggulingkan Raja Louis XVI
 - Munculnya Republik Perancis yang mengakhiri sistem pemerintahan beraja di Perancis
- [Manfaat fakta berkaitan]

- (c) Idea nasionalisme ini memberikan iktibar kepada kita tentang kepentingan ilmu pengetahuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup.

Beri komen anda.

- (c)
- Mencintai ilmu pengetahuan
 - Bersikap terbuka – kreatif dan inovatif
 - Mempunyai jati diri yang kukuh
 - Menjadi pemimpin berwibawa
- [*Mana-mana jawapan munasabah*]

- 2 Perjuangan nasionalisme melalui persatuan memperlihatkan perkembangan yang bersifat sosiobudaya dan kemudiannya politik.

- (a) Tokoh berikut merupakan pengasas Kesatuan Melayu Singapura (KMS), tahun 1926.



Mohammad Eunos Abdullah

Apakah tujuan tokoh di atas menubuhkan KMS?

[2 markah]

- (b) Jelaskan kejayaan perjuangan KMS.
-
-
-

[4 markah]

- (c) Pembentukan sesebuah persatuan atau pertubuhan sangat penting kepada masyarakat di negara kita.

Beri komen anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Menggalakkan ahli bergerak aktif dalam pentadbiran
 - Memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik dan pendidikan
 - Mementingkan pelajaran teknik dan pengajian tinggi
 - Memajukan sosio-ekonomi orang Melayu
 - Menyedarkan orang Melayu kepentingan pendidikan
 - Mengingatkan orang Melayu kepentingan melibatkan diri dalam politik dan hak kebebasan
 - Menyedarkan orang Melayu kesan penjajahan
 - Mendorong penubuhan persatuan lain
- [*Mana-mana fakta berkaitan*]

- (b)
- Menawarkan biasiswa kepada anak Melayu melanjutkan pelajaran
 - Memperoleh tanah seluas 251 hektar daripada British
 - Memperjuangkan wakil Melayu dalam Majlis Perundangan Negeri Selat
 - Penubuhan sekolah Pertukangan Orang Melayu Singapura pada tahun 1929
 - Pada tahun 1937 cawangan KMS terdapat di Melaka dan Pulau Pinang
- [*Mana-mana fakta berkaitan*]

- (c)
- Menggalakkan kesedaran untuk bersatu
 - Mengukuhkan silaturahim
 - Bersikap terbuka
 - Menjamin keharmonian hidup
 - Menghapuskan semangat kenegerian / individu
 - Mencapai keputusan dengan adil
 - Penyebaran idea perjuangan lebih cepat
- [*Mana-mana jawapan munasabah*]

Soalan Topikal Esei



1 Pengaruh luar dan serantau berikut telah menyemarakkan pergerakan nasionalisme di negara kita.

- Gerakan Pan-Islamisme • Gerakan Islah • Kemunculan Jepun

(a) Namakan tokoh-tokoh yang terlibat dalam gerakan nasionalisme berikut.

- (i) Gerakan Pan-Islamisme

[1 markah]


- (ii) Gerakan Islah

[1 markah]


(b) Bagaimanakah gerakan-gerakan di atas mempengaruhi nasionalisme di negara kita?

[4 markah]

(c) Perjuangan tokoh-tokoh berikut juga menimbulkan kesedaran nasionalisme di negara kita.



Dr. Sun Yat Sen
(China)



Mahatma Gandhi
(India)



Soekarno
(Indonesia)



Jose Rizal
(Filipina)

Apakah yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh di atas?

[4 markah]

- 1 (a) (i) Sayyid Jamal al-Din al-Afghani
(ii) Sheikh Muhammad Abdurrahman

(b) **Kebangkitan Pan-Islamisme**

- Menyedarkan umat Islam untuk bersatu menentang ancaman luar

Pengaruh Gerakan Islah

- Menggesa umat Islam melakukan pembaharuan yang progresif

Kemunculan Jepun

- Kuasa besar dunia yang berjaya menewaskan Rusia
- Membuka mata penduduk tempatan untuk memperjuangkan nasib mereka

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) **Gerakan Revolusi China**

- Pimpinan Dr. Sun Yat Sen menimbulkan kesedaran nasionalisme
- Gerakan ini berjaya menewaskan kerajaan Manchuria dan menubuhkan sebuah negara Republik China

Mahatma Gandhi di India


- Menentang British tanpa kekerasan

Perjuangan Jose Rizal di Filipina dan Soekarno di Indonesia

- Menyemarakkan usaha menentang penjajah

[Mana-mana fakta berkaitan]

- 2 Tokoh berikut merupakan seorang tokoh yang mempelopori gerakan kebangkitan rakyat di China.



Dr Sun Yat Sen

- (a) Apakah yang dilakukan oleh tokoh di atas?

[4 markah]

- (b) Jelaskan sebab-sebab berlakunya nasionalisme di China.

[8 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah penjajahan bentuk baharu yang boleh menggugat kedaulatan Malaysia hari ini?
Beri hujah anda.

[8 markah]

- 2 (a)
- Mempelopori gerakan kebangkitan rakyat di China
 - Beliau mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat sebagai ideologi perjuangan, iaitu nasionalisme, demokrasi dan kebijakan sosial
 - Prinsip tersebut menjadi asas kepada gerakan Revolusi China pada tahun 1911

- (b)
- Bertujuan mengukuhkan peradaban China
 - Bermula dengan penentangan terhadap kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu (kerajaan Manchuria)
 - Dinasti Manchu gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat
 - Gerakan nasionalisme seterusnya bercorak anti-Barat kerana menentang campur tangan kuasa Barat di China
 - Gerakan Revolusi China berlaku pada tahun 1911 berjaya menumbangkan pemerintahan Dinasti Manchu
 - Kemunculan pemerintahan republik di China
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Penerapan budaya asing tanpa disedari
 - Kawalan ke atas kewangan negara
 - Penggunaan teknologi tanpa kawalan
 - Bantuan ketenteraan berterusan daripada kuasa asing
 - Campur tangan negara luar dalam politik negara
- [Mana-mana jawapan munasabah]



Video PdPR

Tingkatan 4

Soalan Topikal Struktur

1 Perang Dunia Pertama berlaku dalam kalangan negara di Eropah untuk mempertahankan kepentingan masing-masing.

(a) Siapakah yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama?

[2 markah]

(b) Jelaskan faktor-faktor berlakunya Perang Dunia Pertama.

[4 markah]

(c) Wajarkah negara kita menyertai pakatan ketenteraan? Mengapa?

[4 markah]

1 (a) Kuasa Tengah

- Jerman dan Austria-Hungary
- Disertai oleh Bulgaria dan empayar Uthmaniyyah

Pakatan Bertiga

- Britain, Perancis dan Rusia
- Disokong oleh Serbia, Italia, Romania, Portugal dan Greece

(b) Persaingan kuasa imperialis

- Perkembangan Revolusi Industri
- Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan

Pakatan ketenteraan

- Terbentuknya pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga
- Menimbulkan ketidakstabilan politik berterusan di Eropah
- Bersaing menghasilkan senjata moden dan sedia berperang bagi mempertahankan kepentingan masing-masing

Krisis Rantau Balkan

- Berlaku akibat permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia
- Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb
- Kemuncak krisis Balkan ialah pembunuhan Archduke Ferdinand

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) Wajar

- Bersatu mempertahankan kedaulatan negara
- Menjamin keselamatan negara daripada ancaman asing
- Memastikan kestabilan ekonomi negara
- Memastikan kestabilan politik negara

Tidak wajar

- Ketidakstabilan politik
- Wujud persaingan mendapatkan tanah jajahan
- Negara dalam pakatan bersaing menghasilkan senjata moden
- Negara pakatan sedia berperang mempertahankan kepentingan masing-masing

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Pemerintahan tentera Jepun yang kejam dan kesengsaraan hidup yang dihadapi oleh rakyat kemudiannya telah mencetuskan penentangan terhadap pendudukan Jepun.

(a) Siapakah yang terlibat dalam penentangan tersebut?

[2 markah]

(b) Apakah tindakan Jepun bagi menangani gerakan anti-Jepun yang semakin meningkat?

[2 markah]

(c) Rejimen Askar Melayu terlibat menentang Jepun di Tanah Melayu dan Singapura dengan semangat juang yang tinggi.
Siapakah yang terlibat?

[2 markah]

(d) Beri komen anda berkaitan petikan berikut.

Semangat keberanian dan keperwiraan askar Melayu yang sanggup berjuang sehingga hujung nyawa wajar dikenang dan memberikan iktibar tentang kepentingan sikap sedia berkorban untuk tanah air.

Buku teks Sejarah Tingkatan 4: halaman 74

[4 markah]

- 2 (a)
- Rejimen Askar Melayu
 - Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA)
 - Kerjasama MPAJA dan Force 136
 - Kerjasama Parti Kuomintang dan MPAJA
 - Force 136
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b)
- Merupakan gerakan anti-Jepun yang terbesar di Tanah Melayu
 - Menggunakan pasukan tentera atau polis yang dianggotai oleh orang Melayu
 - Menimbulkan ketegangan kaum

- (c)
- Lettenan Adnan Saidi
 - Lettenan Ibrahim Alla Ditta MC
 - Koperal Yaakob Bidin

- (d)
- Kedaulatan negara tanggungjawab kita
 - Berani menentang penjajah
 - Mempunyai jati diri yang tinggi
 - Taat pada raja dan pemerintah
 - Menghargai perjuangan perwira negara
- [Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei

1 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) berpunca daripada kemunculan Jepun sebagai kuasa tentera di Asia.

(a) Jelaskan latar belakang peluasan kuasa Jepun di Asia Pasifik.

[4 markah]

(b) Berikut merupakan faktor-faktor berlaku peluasan kuasa Jepun.

- Dasar peluasan kuasa Jepun
- Sekatan ekonomi terhadap Jepun
- Rancangan penaklukan wilayah di selatan

Mengapakah Jepun melaksanakan dasar peluasan kuasa?

[8 markah]

(c) Bagaimakah cara mengekalkan kemajuan ekonomi negara? Beri hujah anda.

[8 markah]

- 1 (a)
- Muncul sebagai negara industri dan memiliki kuasa ketenteraan yang setaraf dengan kuasa Barat
 - Memenuhi keperluan ekonomi dan ketenteraan serta perkembangan politik dalam negara

(b) **Keperluan perindustrian**

- Mengurangkan pergantungan kepada negara Barat
- Memerlukan wilayah yang dapat membekalkan bahan mentah
- Menjadi pasaran bagi mengembangkan lagi perindustrian

Pengaruh golongan tentera

- Mempunyai angkatan tentera paling moden di Asia
- Menguasai politik pada tahun 1932
- Pada Oktober 1941, Jeneral Hideki Tojo menjadi Perdana Menteri Jepun

Orde Baharu Asia

- Mengembangkan kuasa
 - Mewujudkan kebebasan ekonomi
 - Menentang imperialism Barat
 - Mewujudkan orde baharu di Asia Timur
 - Orde tersebut dikembangkan ke seluruh Asia
- [Mana-mana fakta berkaitan]

(c)

- Menarik lebih ramai pelabur untuk melabur
- Mengeluarkan produk berkualiti
- Melaksanakan program transformasi ekonomi
- Meneroka pelbagai bidang ekonomi

- Menjalinkan usahasama dengan negara luar
 - Meningkatkan hasil pengeluaran negara
 - Meningkatkan kemahiran atau kepakaran
 - Meningkatkan sektor perindustrian
- [Mana-mana jawapan munasabah]

2 British berperanan penting dalam membangkitkan kesedaran awal nasionalisme di negara kita.

- (a) Mengapakah British berusaha membendung pengaruh empayar Uthmaniyyah di negeri Melayu pada awal abad ke-20?

[4 markah]

- (b) Bagaimanakah British menangani kebangkitan awal nasionalisme dalam kalangan orang Melayu di negara kita?

[8 markah]

- (c) Sekiranya anda seorang penulis akhbar pada ketika itu, apakah isu yang ingin anda tulis untuk membangkitkan kesedaran nasionalisme?

Kemukakan alasan anda.

[8 markah]

- 2 (a)
- Empayar Uthmaniyyah mengeluarkan fatwa menyeru orang Islam yang ditindas oleh penjajah Barat agar bangkit bersama-sama
 - Mendapat perhatian Kaum Muda melalui akhbar
 - Perang yang meletus menarik perhatian pemimpin negeri Melayu
 - Khalifah empayar Uthmaniyyah yang dianggap pelindung umat Islam
 - Penaung bagi tanah suci Mekah dan Madinah
 - Kebangkitan Tok Janggut dipengaruhi oleh penglibatan empayar Uthmaniyyah
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) Pengaruh idea Gerakan Islam Timur Tengah

- Memperkenalkan Enakmen Undang-Undang Islam 1904
- Memperkenalkan Jabatan Siasatan Jenayah dan Biro Siasatan Politik

Peranan akhbar dan majalah

- Memperkenalkan undang-undang menghalang orang Melayu menyatakan sikap politik mereka
- Kewujudan undang-undang yang mengawal kebebasan bersuara, penerbitan dan berpersatuan
- Contohnya – Publishing and Book Enactment 1915 / The Seditious Publication (Prohibition) Enactment 1919

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Penindasan penjajah
 - Kemunduran penduduk tempatan

- Kepentingan pendidikan
- Dasar pilih kasih British dalam ekonomi
- Dasar pilih kasih British dalam menyediakan kemudahan pendidikan
- Dasar pilih kasih British dalam bidang pentadbiran
- Kepentingan perpaduan rakyat
- Tanggungjawab pemimpin menjaga negara dan rakyat

[Mana-mana jawapan munasabah]

Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita



Video PdPR

Tingkatan 4

Soalan Topikal Struktur

1 Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan BMA pada 1 April 1946.

(a) Apakah hasrat British terhadap Malayan Union?

[2 markah]

(b) Bagaimanakah Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu?

[2 markah]

(c) Apakah yang terkandung dalam Kertas Putih 6274?

[2 markah]

(d) Apakah peranan kerajaan dalam memantapkan kestabilan dan kemajuan negara?

Beri hujah anda.

[4 markah]

- 1 (a)
- Melicinkan sistem pentadbiran
 - Meningkatkan pelaburan ekonomi
 - Mengukuhkan pertahanan
 - Mengelakkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja untuk meningkatkan ekonomi

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b)
- Unit Perancang Tanah Melayu diketuai oleh Mejuri Jeneral Ralph Hone
 - Satu bentuk pentadbiran baharu di Tanah Melayu
 - Setiausaha Tanah Jajahan British, George Henry Hall membentangkan rancangan ini di Parlimen British pada 10 Oktober 1945
 - Rancangan Malayan Union yang diisytiharkan dalam Warta Kerajaan dikenali sebagai Kertas Putih 6274
 - Dilaksanakan di Tanah Melayu pada 1 April 1946

- (c)
- 13 perkara kandungan Malayan Union yang diluluskan oleh Parlimen British di London pada 22 Januari 1946
 - Konsep kesatuan, bentuk pentadbiran, sistem perundangan, kedudukan Raja-raja Melayu, syarat kewarganegaraan dan agama Islam

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (d)
- Membuat dasar tertinggi negara
 - Mengelakkan kemerdekaan negara
 - Membangunkan prasarana negara
 - Menjalankan hubungan antarabangsa
 - Menstabilkan sistem kewangan negara
 - Memajukan sistem pendidikan negara
 - Membasmi kemiskinan rakyat
 - Menjamin kedaulatan negara

[Mana-mana jawapan munasabah]

2 Penyerahan Sabah kepada British pada 15 Julai 1946 tidak mendapat penentangan daripada rakyat tempatan Sabah.

(a) Mengapakah penduduk Sabah kurang terlibat dalam pertubuhan?

[2 markah]

(b) Apakah sebab rakyat Sabah tidak menentang penyerahan Sabah kepada British?

[2 markah]

(c) Apakah persatuan yang ada di Sabah?

Apakah perjuangan mereka?

[2 markah]

(d) Pada pendapat anda, bagaimanakah British menangani gerakan nasionalisme melalui berpersatuan di Sabah?

Kemukakan hujah anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang berbeza
 - Sulit untuk menghimpunkan kesemua etnik dalam satu pertubuhan

- (b)
- Dasar British menindas kegiatan berpersatuan di Sabah
 - Dasar British mengehadkan peluang dalam pentadbiran
 - Kepentingan sosioekonomi penduduk tempatan

- (c)
- **Persatuan:** Persaudaraan Sahabat Pena Sabah (PASPAS)
 - Persatuan Kebangsaan Melayu di Sabah
 - Barisan Pemuda Sabah (BARIP)
 - **Perjuangan:** Awalnya, ditubuhkan untuk memperbaik keadaan ekonomi dan politik kaum bumiputera
 - Kemudiannya, pemimpin persatuan membangkitkan kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat setempat

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (d)
- Menawarkan jawatan kenaikan pangkat
 - Memindahkan ahli dan pemimpin yang aktif ke bandar lain
 - Kegiatan berpersatuan ini akhirnya menjadi lemah – masalah kewangan / kekurangan pemimpin berkebolehan

[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei



1 Vyner Brooke memerintah Sarawak sehingga penaklukan Jepun pada Disember 1941 dan selepas Jepun tewas pula Sarawak diserahkan kepada kerajaan British sebagai tanah jajahan mahkota (Crown Colony) British secara rasminya pada 1 Julai 1946.

(a) Apakah peranan Gammans dan Rees Williams dalam peristiwa penyerahan Sarawak?

[4 markah]

(b) Jelaskan proses penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

[8 markah]

(c) Pelbagai cabaran dihadapi oleh Malaysia dalam memantapkan kestabilan politik untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

(i) Apakah cabaran-cabaran tersebut?

[4 markah]

(ii) Apakah usaha-usaha untuk menghadapi cabaran tersebut?

[4 markah]

1 (a)

- Membuat tinjauan penduduk Sarawak
- Membawa laporan ke Majlis Negeri untuk diundi
- Majlis Negeri mengeluarkan Rang Undang-Undang Penyerahan (Cession Bill)
- Keputusannya menunjukkan bahawa golongan propenyerahan menang

(b)

- Pejabat Tanah Jajahan mengutus surat kepada Vyner Brooke untuk menandatangani surat perjanjian dengan George Henry Hall, Setiausaha Tanah Jajahan

- Gerard T. MacBryan mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan
 - British mengarahkan Vyner Brooke mendapatkan kelulusan Majlis Negeri dan persetujuan rakyat Sarawak terlebih dahulu
 - Kerajaan British menghantar Gammans dan Rees Williams untuk membuat tinjauan
 - Laporan Gammans dan Rees Williams berkaitan dengan isu penyerahan Sarawak dibawa ke Majlis Negeri untuk diundi
 - Keputusannya menunjukkan bahawa golongan propenyerahan menang
 - Taraf Sarawak sebagai negeri naungan British dimansuhkan
 - Sarawak disahkan sebagai tanah jajahan British
 - Pada 1 Julai 1946, Hari Penyerahan Sarawak diisytiharkan di Kuching.
- [Mana-mana fakta berkaitan]*

(c) (i)

- Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu
- Membina masyarakat berjiwa bebas dan yakin
- Membina masyarakat demokratik yang matang
- Mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika
- Mewujudkan masyarakat matang, liberal dan bertoleransi

(ii)

- Masyarakat perlu memantapkan sahsiah diri
- Menanamkan rasa bangga menjadi warganegara Malaysia
- Berani berdepan dengan pelbagai cabaran
- Masyarakat perlu bersikap progresif
- Mengubah sikap dan pemikiran

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Kerajaan British mengisytiharkan Malayan Union pada 1 April 1946 tetapi ditentang oleh Raja-raja Melayu, orang Melayu dan bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu.

(a) Mengapakah Raja-raja Melayu menentang Malayan Union?

[4 markah]

(b) Bagaimanakah Raja-raja Melayu membantah gagasan Malayan Union?

[8 markah]

(c) Seorang pemimpin yang cemerlang terbukti mampu menangkis ancaman luar terhadap negaranya.

Apakah ciri-ciri pemimpin tersebut?
Beri hujah anda.

[8 markah]

- 2 (a) • Merupakan bentuk penjajahan secara mutlak
• Kehilangan kedaulatan dan kuasa politik

(b) **Membawa kes Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England**

- Persidangan Raja-raja Melayu mengemukakan bantahan
- Sultan Perak, Sultan Kedah dan Sultan Johor berangkat ke England
- MacMichael mendapatkan persetujuan daripada Raja-raja Melayu dengan cara tidak sah

Menghantar surat bantahan ke London

- Beberapa orang raja diugut supaya menurunkan tandatangan
- Raja-raja Melayu memohon British memansuhkan persetujuan yang ditandatangani
- Tidak diberikan peluang untuk mendapatkan nasihat pemberi besar negeri

Menyokong Kongres Melayu

- Kongres Melayu disokong oleh Raja-raja Melayu
- Diadakan untuk menunjukkan kesungguhan orang Melayu menolak Malayan Union

Permaisuri Perak memimpin gerakan menentang Malayan Union

- Tuanku Permaisuri Perak, Raja Perempuan Kelsom mengetuai barisan hadapan perarakan

Memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union

- Diadakan setelah perjumpaan dengan Dato' Onn Jaafar
- Orang Melayu berhimpun dan melaungkan "Daulat Tuanku" dan "Hidup Melayu"
- Raja-raja Melayu memulaukan dan mengadakan sidang akhbar

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) • Mengamalkan ilmu sahsiah dan pemerintahan

- Pemerintah yang adil dan saksama
- Memiliki sikap keterbukaan
- Mementingkan permuafakatan dan perundingan
- Berpandangan jauh
- Mementingkan hubungan diplomatik
- Menjadi contoh kepada negara-negara lain di dunia
- Bijak mengatur strategi untuk kelangsungan kedaulatan negara

[Mana-mana jawapan munasabah]

Persekutuan Tanah Melayu 1948



Video PdPR

Tingkatan 4

Soalan Topikal Struktur

1 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 (PTM) didorong oleh beberapa faktor seperti penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union, cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO serta sokongan pentadbir British.

(a) Mengapa pentadbir British menyokong penubuhan PTM 1948?

[4 markah]

(b) Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO telah berganding bahu membantah pelaksanaan Malayan Union kerana memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.

Bagaimanakah penentangan ini membawa kepada penubuhan PTM 1948?

[8 markah]

(c) Bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union menyedarkan kerajaan British bahawa Malayan Union telah ditolak oleh penduduk tempatan dari segenap lapisan. Hal ini memaksa British menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Apakah iktibar daripada semangat perpaduan di atas? Kemukakan alasan anda.

[8 markah]

- 1 (a) • Dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi
• Mewujudkan politik yang stabil
[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) • Ahli Parlimen British, iaitu Gammans dan Rees Williams menyaksikan bantahan orang Melayu
• Laporan tersebut diserahkan kepada Dewan Parlimen British selepas kembali ke England
• Gammans menyatakan bahawa sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union keadaan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu
• Persekutuan Tanah Melayu dijalankan melalui rundingan Raja-raja Melayu, UMNO dan British

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Mengutamakan kepentingan negara
• Berunding untuk mencapai matlamat
• Bersikap keterbukaan
• Bersempang kebersamaan
• Berpegang kepada nilai-nilai murni
• Menjunjung institusi beraja
• Sanggup berkorban untuk negara
• Mengamalkan semangat toleransi

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, antaranya termasuklah pentadbiran, kuasa Raja-raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu.
- (a) Nyatakan ciri-ciri kewarganegaraan PTM 1948.

[2 markah]

- (b) Jelaskan ciri-ciri kewarganegaraan di atas.

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, bagaimakah kewarganegaraan seseorang rakyat Malaysia boleh ditamatkan?
Berikan hujah anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang
 - Kewarganegaraan secara pendaftaran

- (b) **Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang**

- Terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British
- Pemohon yang lahir di luar negeri
- Penduduk asal dari negeri Melayu.
- Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi, memahami adat resam dan bertutur bahasa setempat

Kewarganegaraan secara pendaftaran

- Bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya.
- Mempunyai tingkah laku yang baik, menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bersetuju taat setia

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) **Penamatan kewarganegaraan cara sukarela**

- Umur lebih daripada 21 tahun
- Waras akal fikiran
- Tidak mahu menjadi warganegara Malaysia

Penamatan kewarganegaraan cara paksa

- Mempunyai kerakyatan negara lain
- Tidak setia kepada negara Malaysia
- Menderhaka terhadap kerajaan semasa perperangan
- Menjalankan aktiviti dengan musuh Malaysia
- Melalui percakapan atau tindakan mencemar keselamatan dan kedaulatan negara

[Mana-mana fakta berkaitan]

Soalan Topikal Esei



1 Jawatankuasa Kerja mengambil masa lima bulan untuk menyelesaikan kerja merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(a) Nyatakan ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[2 markah]

(b) Bagaimakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditadbir?

[8 markah]

(c) Apakah kuasa yang diberikan kepada Raja-raja Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948?

[2 markah]

(d) Pada pendapat anda, bagaimakah perundangan dilaksanakan mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
Beri hujah anda.

[4 markah]

- 1 (a)
- Pentadbiran
 - Kuasa Raja-raja Melayu
 - Perundangan/
Kewarganegaraan

- (b)
- Gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat
 - Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan
 - Diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British
 - Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama
 - Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British

- (c)
- Memberikan pandangan dalam perkara tertentu
 - Bagi peringkat negeri pula, sultan mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri

- (d)
- Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi
 - Bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian
 - Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-Raja

[Mana-mana jawapan munasabah]

2 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu seperti sebelum perang, menjaga kedudukan istimewa orang Melayu, membuka ruang kewarganegaraan dan mewujudkan perpaduan kaum di negara kita.

(a) Perjanjian PTM 1948 berjaya mengembalikan kedudukan dan maruah Raja-raja Melayu.

Buktikan.

[4 markah]

(b) Bagaimakah PTM 1948 berjaya mewujudkan kerjasama kaum di negara kita?

[4 markah]

(c) Bagaimakah orang bukan Melayu diberikan taraf kewarganegaraan?

[6 markah]

(d) Pada pendapat anda, apakah kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 kepada negara kita? Kemukakan hujah anda.

[6 markah]

- 2 (a)
- Majlis Raja-Raja diwujudkan
 - Dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu
 - Keanggotaannya sembilan orang Raja Melayu
 - Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan

- (b)
- Melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
 - Memupuk persefahaman pemimpin pelbagai kaum
 - Merintis pada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) **Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang**
- Terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British
 - Pemohon yang lahir di luar negeri
 - Penduduk asal dari negeri Melayu
 - Rakyat raja dan mereka yang telah serasi, memahami adat resam dan bertutur bahasa setempat

Kewarganegaraan secara pendaftaran

- Bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya
- Mempunyai tingkah laku yang baik menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris / bersetuju taat setia

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (d)
- Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
 - Membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara
 - Mengembalikan status Raja-raja Melayu dan orang Melayu
 - British mengiktiraf dasar menaungi negeri Melayu semula seperti sebelum Perang Dunia Kedua

[Mana-mana jawapan munasabah]

Ancaman Komunis dan Perisyntiharan Darurat



Video PdPR

Tingkatan 4

Soalan Topikal Struktur

1 Parti Komunis Malaya atau singkatannya PKM ialah sebuah pertubuhan yang diasaskan di Tanah Melayu pada tahun 1930. Pertubuhan ini menentang penjajahan British yang ketika itu sedang memerintah Tanah Melayu.

(a) Bagaimanakah Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan di negara kita?

[2 markah]

(b) Apakah yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya pada zaman pendudukan Jepun (1941-1945)?

[2 markah]

(c) Bagaimanakah Parti Komunis Malaya meluaskan pengaruhnya di negara kita?

[2 markah]

(d) Parti Komunis Malaya (PKM) semakin luas pengaruhnya selepas Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua.

Pada pendapat anda, sejauh manakah PKM ini berpengaruh pada ketika itu?

Beri hujah anda.

[4 markah]

- 1 (a) • Ditubuhkan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 30 April 1930
• Bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina
• Menyusup ke dalam kesatuan sekerja
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) • Menjalankan kerjasama dengan British
• Membentuk Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) atau Bintang Tiga pada tahun 1942
• Menerima bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan logistik dan perubatan daripada pihak British
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Kelewatan British kembali ke Tanah Melayu
• Keadaan ini memberikan peluang kepada PKM

- (d) • Melakukan kekejaman terhadap orang Melayu, Cina dan India
• Apabila BMA mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu, MPAJA dibubarkan
• PKM dibenarkan bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang sah di Tanah Melayu
• PKM menyusup dalam kesatuan sekerja
• British bertindak meluluskan Trade Union Ordinance No. 9 of 1948
• Ordinan ini menyekat pengaruh komunis dalam kesatuan sekerja dan akhirnya mengharamkan PKM
- [Mana-mana jawapan munasabah]

2 Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan pada 1948 di seluruh Tanah Melayu, namun komunis tetap meneruskan aktiviti menggugat keamanan dan kestabilan negara.

(a) Apakah faktor yang menyebabkan komunis terus berjuang mencapai matlamatnya?

[2 markah]

(b) Komunis mencetuskan huru-hara di seluruh negara agar penduduk hilang keyakinan terhadap British.

Apakah yang komunis lakukan?

[4 markah]

(c) Darurat telah mempercepatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Beri hujah anda.

[4 markah]

(d) Pada pendapat anda, apakah kesan daripada tindakan komunis di atas terhadap rakyat dan negara?

Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Gesaan dari Gerakan Komunis Antarabangsa
 - Ingin mewujudkan sebuah kerajaan republik komunis

- (b)
- Melumpuhkan ekonomi negara
 - Merosakkan infrastruktur
 - Mengancam keselamatan rakyat
 - Mengancam pasukan keselamatan

- (c)
- British sedar darurat tidak boleh ditamatkan melalui strategi ketenteraan
 - Mendorong British bersedia mempercepatkan kemerdekaan
 - Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum ditubuhkan
 - Kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955
 - PKM tidak mempunyai alasan untuk meneruskan perjuangan
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (d)
- Rakyat hidup dalam keadaan huru-hara
 - Komunis sentiasa mengancam keselamatan penduduk
 - Keadaan politik negara tidak stabil
 - Negara mengalami kemelesetan ekonomi
 - Sistem pengangkutan dan perhubungan terjejas
- [Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei



1 Darurat memberikan kesan jangka panjang terhadap negara kita dari aspek sosioekonomi seperti berikut.

- Menyebabkan kerugian harta benda
- Penderitaan rakyat
- Hubungan kaum terbatas
- Meningkatkan jumlah kematian

(a) Darurat menjelaskan perkembangan ekonomi dan meningkatkan kos perbelanjaan pihak British untuk menangani ancaman komunis.

Buktikan.

[4 markah]

(b) Rakyat menghadapi penderitaan dan kesengsaraan semasa zaman darurat.

Bagaimanakah keadaan ini boleh berlaku?

[4 markah]

(c) Rancangan penempatan semula Kampung Baru memberi kesan kepada hubungan antara kaum di negara kita.

(i) Mengapakah rancangan ini dikatakan merenggangkan hubungan kaum?

Beri hujah anda.

[4 markah]

(ii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan kerjasama dan perpaduan kaum dalam sebuah negara seperti Malaysia? Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

- 1 (a)
- Anggaran purata kos darurat sebanyak \$250 ribu hingga \$300 ribu sehari
 - Membelanjakan lebih \$10 juta sebulan atau \$120 juta setahun
 - Membelanjakan kos yang besar untuk penempatan semula penduduk di pinggir hutan
 - Dari tahun 1950 hingga tahun 1953, perbelanjaan kerajaan dianggarkan lebih \$7 juta untuk pembangunan di Kampung Baru

- (b)
- Kawasan ladang dan lombong menjadi sasaran serangan komunis
 - Penduduk menghadapi kesukaran untuk bergerak dan memperoleh bekalan keperluan
 - Ramai pekebun dan pekerja lombong tidak dapat bekerja kerana perintah berkurung
 - Catuan bekalan makanan dikenakan oleh kerajaan

- (c) (i)
- Didominasi oleh kaum tertentu
 - Kaum Cina dikumpulkan di kawasan petempatan yang sama, manakala kaum lain di petempatan lain
 - Petempatan baharu dilengkapi dengan prasarana biasanya berkembang menjadi bandar baharu
 - Kaum Melayu tertumpu di kampung yang serba kekurangan
 - Kawalan pasukan keselamatan yang ketat

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (ii)
- Menjamin keamanan negara
 - Memajukan ekonomi negara
 - Meningkatkan imej negara

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Penyebaran ideologi komunis dari China dan Indonesia menyebabkan terdapat penduduk yang terpengaruh dengan fahaman komunis.
- (a) Apakah yang anda faham tentang ‘Komunisme’?

[4 markah]

- (b) Berikut merupakan cara kemasukan pengaruh komunis ke negara kita.

- Kemasukan pengaruh komunis dari China
- Kemasukan pengaruh komunis dari Indonesia
- Penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM)

Terangkan kemasukan pengaruh komunis.

- (i) Dari China

[4 markah]

- (ii) Dari Indonesia

[4 markah]

- (c) Penyebaran ideologi komunis dari China dan Indonesia menyebabkan terdapat penduduk yang terpengaruh dengan fahaman komunis.

Cadangkan langkah-langkah untuk menghalang pengaruh luar yang boleh mengugat kedaulatan negara.

[8 markah]

- 2 (a) • Ideologi diasaskan Karl Marx dan Friedrich Engels
• Perkataan komunis -orang yang menganut fahaman komunis
• Suatu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara
• Ideologi komunis di negara kita bermula sejak tahun 1920-an

- (b) (i) • Ideologi komunis dibawa masuk awal tahun 1920-an
• Menjelang tahun 1924, cawangan KMT ditubuhkan
• Main School bergerak dalam kalangan orang Hailam di bawah arahan Parti Komunis China (PKC)
• Tertubuhnya parti baharu, iaitu Parti Komunis Malaya

- (ii) Pemimpin komunis dari Indonesia -Tan Malaka/Alimin/ Moeso/ Boedisoejito, Hasanoesi/ Winanta/Soebakat /Sutan Perpateh

- PKI berusaha menyebarkan fahaman komunis membuka cawangan di Tanah Melayu
- Tidak mendapat sambutan orang Melayu kerana menggunakan kekerasan

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Berwaspada dengan budaya asing
• Kawal filem-filem asing yang terdapat adegan melampau
• Kawal kewangan negara daripada dipengaruhi Barat
• Elakkan terlalu bergantung kepada bantuan asing
• Elakkan campur tangan negara luar dalam politik negara
• Elakkan negara menjadi tempat ujian senjata negara luar
• Sentiasa mematuhi peraturan antarabangsa
• Berpegang teguh ajaran agama / nilai
• Masyarakat amalkan sikap matang dan rasional

[Mana-mana jawapan munasabah]



Video PdPR

Tingkatan 4

Soalan Topikal Struktur

- 1 Kesedaran politik selepas Perang Dunia Kedua mencetuskan aspirasi rakyat untuk mencapai kemerdekaan. Idea negara merdeka dicetuskan oleh pelbagai golongan untuk membentuk negara yang berdaulat bermula tahun 1938.

- Kesatuan Melayu Muda (KMM) – 1938
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) – 1946

- (a) Namakan tokoh yang terlibat dalam pertubuhan berikut.
- (i) Kesatuan Melayu Muda (KMM)

[1 markah]

- (ii) Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

[1 markah]

- (b) Apakah idea negara merdeka yang dicetuskan oleh KMM tahun 1938?

[2 markah]

- (c) Bagaimanakah idea negara merdeka yang dicetuskan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya pada tahun 1945?

[2 markah]

- (d) Mengapa perjuangan melalui pertubuhan lebih berkesan berbanding secara individu?
Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

- 1 (a) (i) Ibrahim Haji Yaakob
(ii) • Dr. Burhanuddin al-Helmi
• Ishak Haji Muhammad
• Ahmad Boestamam
- (b) • Memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep ‘Melayu Raya’
• Idea ini merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu
- (c) • Menetapkan matlamat politik untuk menanam semangat kebangsaan
• Bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan
• Memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya
• Mendaulatkan hak rakyat dalam politik, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan melalui slogan “Merdeka”

[Mana-mana faktta berkaitan]

- (d) • Dapat mengumpul lebih ramai ahli
• Dapat berkongsi idea yang
• Sumber kewangan dapat dikumpul daripada ahli

[Mana-mana jawapan munasabah]

2 Selepas Perang Dunia Kedua, banyak parti politik ditubuhkan di negara kita pada tahun 1940-an dan 1950-an.

(a) Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

[2 markah]

(b) Kebanyakan parti politik ditubuhkan berdasarkan kaum, memperjuangkan kepentingan kaum dan membentuk parti bercorak kebangsaan.

Jelaskan parti-parti politik yang dimaksudkan di atas.

[4 markah]

(c) (i) Sejauh manakah penubuhan parti berdasarkan kaum boleh menjelaskan perpaduan?

Beri hujah anda.

[4 markah]

(ii) Pada pendapat anda, mengapakah pertubuhan parti penting bagi sesebuah negara dalam memperjuangkan kemerdekaan?

[4 markah]

- 2 (a)
- Kesan perkembangan nasionalisme
 - Mengukuhkan perjuangan menutut kemerdekaan tanah air

(b) **Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)**

- Melahirkan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu

Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)

- Memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Sarawak

Malayan Indian Congress (MIC)

- Menjaga kepentingan orang India di Tanah Melayu

Malayan Chinese Association (MCA)

- Memelihara kepentingan kaum Cina

United Malays National Organisation (UMNO)

- Menjaga kepentingan orang Melayu

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) (i) **Awal kemerdekaan**

- Ditubuhkan untuk menjaga kepentingan kaum masing-masing
- Setiap parti sentiasa bersikap negatif terhadap kaum lain
- Sukar membentuk kerjasama antara kaum

Masa kini

- Parti berdasarkan kaum bersatu dengan parti-parti kaum lain
- Berjaya mengukuhkan perpaduan antara kaum
- Berjaya membentuk kerajaan yang mantap
- Terdapat parti yang terbuka keahlian kepada semua kaum

[Mana-mana jawapan munasabah]

(ii)


- Mengeratkan hubungan silaturahim
- Menggalakkan kesedaran untuk bersatu
- Menghapus semangat kenegerian
- Memupuk semangat kebangsaan
- Mencapai matlamat perjuangan dengan mudah
- Mempercepatkan pembangunan negara

[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei



1 Semasa di bawah pentadbiran British, sistem persekolahan berkembang mengikut kaum. Sistem seperti ini menghalang usaha menyatupadukan rakyat ke arah melahirkan satu identiti bangsa dan negara.



(a) Terangkan perkembangan sistem pendidikan vernakular di negara kita semasa penjajahan British.

[4 markah]

(b) Bagaimakah pembentukan dasar pendidikan kebangsaan dilaksanakan di negara kita?

[8 markah]

1 (a) • Di Tanah Melayu – Sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina dan sekolah vernakular Tamil, sekolah aliran agama dan sekolah Inggeris

- Di Sarawak dan Sabah – sekolah vernakular Melayu, sekolah Cina dan sekolah mualih Kristian
- Menggunakan bahasa pengantar berlainan
- Menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar
- Menggunakan kurikulum berlainan

(b) **Laporan Barnes 1951**

- Jawatankuasa Pelajaran Melayu dipengerusikan oleh L.J.Barnes
- Sekolah rendah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- Sekolah menengah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

Laporan Fenn-Wu 1951

- Diterbitkan hasil bantahan masyarakat Cina terhadap Laporan Barnes
- Mencadangkan penambahbaikan sekolah Cina
- Sekolah Cina diteruskan secara berasingan
- Pendidikan sekolah Cina berorientasikan Tanah Melayu

Ordinan Pelajaran 1952

- Mengambil kira Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu
- Membentuk sistem pendidikan yang menggunakan bahasa rasmi Persekutuan
- Semua murid daripada pelbagai bangsa disatukan
- Mempunyai dua jenis sekolah rendah
- Sekolah menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- Bahasa Cina dan Bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah
- Sekolah menengah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

Laporan Woodhead di Sarawak dan Sabah 1955

- Memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah
- Menitikberatkan kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- Mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur

- (c) Pada pendapat anda, bagaimanakah sistem pendidikan mampu mewujudkan semangat perpaduan?

[8 markah]

- 2 Idea negara merdeka berkembang luas pada tahun 1946 yang dicetuskan oleh pelbagai persatuan dan pertubuhan seperti berikut.

- Angkatan Pemuda Insaf (API)
- Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak
- Pergerakan Pemuda Melayu
- Parti Kebangsaan Melayu Labuan

- (a) Apakah idea negara merdeka yang diperjuangkan oleh API?

[4 markah]

- (b) Keinginan bebas daripada kolonial British juga diperjuangkan di Sarawak.

Jelaskan perjuangan tersebut dari aspek pertubuhan berikut.

- (i) Persatuan Kebangsaan Sarawak

[4 markah]

Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Penyata Razak 1956)

- Mengkaji semula sistem pendidikan sedia ada
- Mencadangkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang baharu
- Teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan
- Memupuk integrasi perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Menggunakan sukanan pelajaran yang sama
 - Menggunakan kurikulum yang sama
 - Melaksanakan aktiviti kokurikulum bersama
 - Menggunakan bahasa pengantar yang sama
 - Menggunakan kemudahan di sekolah/kantin/padang yang sama
 - Aktiviti kelas dilakukan bersama tanpa mengira kaum
 - Warga sekolah terdiri daripada pelbagai kaum
 - Warga sekolah secara bersama bersatu mencapai matlamat

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 (a)
- Menekankan pemerintahan demokrasi, dasar ekonomi yang mengutamakan rakyat dan keadilan sosial
 - Risalah Testament Politik API diterbitkan dengan slogan "Merdeka dengan Darah"
 - Perjuangan diteruskan melalui kekerasan jika terpaksa
 - API diharapkan British

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) (i)
- Dipimpin Datu Patinggi Abang Haji Abdillah
 - Mahu Sarawak menjadi negeri merdeka
 - Ingin berkerajaan sendiri sebagaimana yang dijanjikan dalam Perlembagaan 1941

(ii) Pergerakan Pemuda Melayu (PMM)

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah semangat yang perlu ada dalam diri warganegara Malaysia bagi menghalang ancaman musuh negara? Kemukakan hujah anda.

[4 markah]

- (ii) • Lahir disebabkan kontroversi penyerahan Sarawak kepada British
- Adalah untuk memerdekaan Sarawak
 - Menubuhkan pakatan sulit Rukun 13
 - Datu Melayu yang menyokong penyerahan Sarawak

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Bangga sebagai rakyat Malaysia
- Bersedia memajukan diri
 - Taat kepada negara
 - Bersyukur dengan keamanan negara
 - Bersama menjaga kedaulatan negara
 - Mengamalkan sikap kesepakatan dan kerjasama
 - Menjaga nama baik negara
 - Berpegang teguh ajaran agama
 - Mengamalkan prinsip Rukun Negara
 - Bijak menangani pengaruh asing

[Mana-mana jawapan munasabah]

**Soalan Topikal Struktur**

1 Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan.

- (a) Nyatakan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu dilaksanakan?

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah harapan rakyat dalam sesuatu pilihan raya?

Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

- 1 (a) • Bermula dari peringkat majlis perbandaran, diikuti peringkat negeri dan seterusnya Pilihan Raya Majlis Perundungan Persekutuan 1955
- (b) • Diadakan selaras dengan peruntukan dalam perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
• Kerajaan Persekutuan mewujudkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Raya
• Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan
- (c) • Mengharapkan kerajaan dilantik tidak korupsi
• Menepati janji seperti yang diwar-warkan
• Menjamin kehidupan rakyat yang harmoni dan sejahtera
• Menjamin ekonomi negara yang stabil
• Mampu meningkatkan taraf hidup rakyat
• Menjamin kestabilan politik
[Mana-mana jawapan munasabah]

2 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955 yang memperlihatkan barisan pemimpin berwibawa negara.

(a) Siapakah yang menganggotai kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955 pada peringkat awal?

[2 markah]

(b) Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?

[4 markah]

(c) Bagaimanakah seseorang warganegara boleh menggunakan hak dan tanggungjawab mereka dalam pembinaan negara bangsa Malaysia yang bersatu?

Kemukakan hujah anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- 10 orang Menteri dan tiga orang pegawai British
 - Jemaah Menteri diumumkan oleh Sir Donald MacGillivray
 - Wakil pemimpin tempatan dipilih untuk mentadbir negara

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b)
- Membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam
 - Menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster
 - Mengurangkan kuasa pentadbiran British
 - Meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan
 - Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Menyokong dasar pelajaran kebangsaan
 - Menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara
 - Berbangga sebagai warganegara Malaysia
 - Memartabatkan penggunaan bahasa Melayu
 - Sentiasa bersikap terbuka

[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei



1 Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1955.

- (a) Jelaskan situasi yang berlaku di negara kita selepas berlangsungnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

[4 markah]

- (b) Bandingkan Majlis Perundangan Persekutuan 1948 dan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 daripada aspek komposisi ahli dan keanggotaan.

[8 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah kesan daripada penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan di negara kita?

Beri hujah anda.

[8 markah]

- 1 (a)
- Parti Perikatan membentuk Kerajaan Persekutuan
 - Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama
 - MPP mengalami perubahan dari segi bilangan keanggotaannya

(b) **Majlis Perundangan Persekutuan 1948**

- 52 orang – Ahli tidak rasmi yang dilantik dalam kalangan masyarakat tertentu
- 3 orang ex officio – Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan dan Peguam Besar Persekutuan
- 9 orang Residen – Residen British mewakili sembilan buah Majlis Negeri
- 2 orang – Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka
- 11 orang – Ahli rasmi dalam kalangan Pegawai Pentadbiran Kerajaan
- Jumlah keanggotaan seramai 77 orang

Majlis Perundangan Persekutuan 1955

- 52 orang – Ahli yang dipilih melalui pilihan raya
 - 35 orang – Ahli lantikan mewakili kumpulan yang berkepentingan seperti keusahawanan, perlombongan, perindustrian dan pertanian
 - 11 orang – Menteri Besar mewakili negeri
 - 2 orang – Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka
 - Jumlah keanggotaan seramai 100 orang
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Mengambil alih tugas pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British
 - Proses pertukaran dan pembaharuan berlaku secara berperingkat dan mengambil masa
 - Pesuruhjaya Tinggi British masih memegang tampuk kepimpinan peringkat atasan
 - Kuasa pegawai British kini beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan
 - Terdapat pegawai British berperanan sebagai penyelia atau penasihat bidang keselamatan
 - Sistem Ahli dimansuhkan
 - Keanggotaan MPP menyaksikan perkembangan penting amalan pentadbiran demokrasi
- [Mana-mana jawapan munasabah]

2 Jawatankuasa Pilihan Raya 1954 mengeluarkan dua bentuk pernyataan susunan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang dinamakan Bentuk A dan Bentuk B.

- (a) Jelaskan persamaan yang terdapat dalam kedua-dua bentuk tersebut.

[4 markah]

- (b) Tunku Abdul Rahman berangkat ke London bersama-sama dengan Tan Cheng Lock, T.H. Tan dan kemudiannya disertai oleh Dato' Abdul Razak Hussein pada 21 April 1954.

- (i) Mengapa Tunku Abdul Rahman berangkat ke London pada tahun 1954?

[4 markah]

- (ii) Sejauh manakah kejayaan rundingan Tunku Abdul Rahman di London?

[4 markah]

- 2 (a)
- Seorang speaker
 - Tiga orang ahli yang dilantik
 - Sebelas orang wakil negeri
 - Dua puluh orang yang dilantik mewakili kepentingan tertentu
 - Tiga orang dilantik mewakili golongan minoriti
 - Dua orang ahli rasmi (Setiausaha Pertahanan dan Setiausaha Ekonomi)
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) (i)
- Bertujuan menyatakan hasrat menentukan tiga perlima bilangan anggota MPP
 - Bilangan anggota MPP dipilih melalui pilihan raya
 - Bertemu dengan ahli Parlimen daripada Parti Buruh British, Parti Konservatif dan Parti Liberal
 - Membuat kenyataan tentang hasrat mereka melalui akhbar kepada rakyat British dan ahli Parlimen
- (ii)
- Berjaya mengadakan rundingan dengan Oliver Lyttelton, Setiausaha Tanah Jajahan British di London
 - Hasrat Tunku Abdul Rahman gagal mendapatkan tiga perlima ahli melalui pilihan raya
 - Disambut meriah di Tanah Melayu
 - Bilangan ahli MPP dipersetujui untuk dipilih
 - Dipersetujui oleh pihak British dan Parti Perikatan
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) Berikan pendapat anda dalam perkara berikut.
(i) Mengapa pilihan raya terpaksa diadakan pada 1955 dan bukannya tahun 1954?

[4 markah]

- (ii) Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa di atas?
Beri hujah anda.

[4 markah]

- (c) (i) • Persetujuan dicapai pada awal bulan Julai 1954
• Pada 18 Ogos 1954 hingga 19 Ogos 1954, Rang Undang-Undang Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu diluluskan
(ii) • Semangat cinta akan negara yang tinggi
• Pemimpin rasional sanggup berjuang demi kepentingan negara berbanding urusan peribadi
• Kesabaran membawa kepada kemenangan
• Berani mempertahankan hak negara
[Mana-mana jawapan munasabah]

Perlembangan Persekutuan Tanah Melayu 1957



Video PdPR

Tingkatan 4

Soalan Topikal Struktur

1 Pihak Raja-raja Melayu serta para pemimpin yang dipilih oleh rakyat dan pihak British mengadakan beberapa rundingan dalam usaha merintis jalan ke arah kemerdekaan.

- (a) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi usaha kemerdekaan negara kita?

[2 markah]

- (b) Apakah kepentingan rundingan kemerdekaan antara wakil Raja-raja Melayu dengan wakil Parti Perikatan?

[2 markah]

- (c) Siapakah yang menyokong rundingan kemerdekaan antara wakil Raja-raja Melayu dengan wakil Parti Perikatan?

[2 markah]

- (d) Pada pendapat anda, apakah peranan generasi hari ini dalam merealisasikan dasar-dasar kerajaan tercapai?

Beri hujah anda.

[4 markah]

1 (a) Luar negara

Menyaksikan usaha membebaskan negara daripada penjajahan seperti di Mesir, India, Burma dan Filipina

Dalam negara

Kerajaan British memberikan jaminan akan membantu Persekutuan Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri secepat mungkin

- (b)
- Membincangkan hal keselamatan, hubungan British Tanah Melayu dan perlembagaan negara yang akan merdeka

- (c)
- E.E.C. Thuraisingham, wakil orang Ceylon
 - Ketua Parti Rakyat, iaitu Ahmad Boestamam, pemimpin Parti Negara, wakil Parti Buruh dan wakil kaum Serani turut menyokong perundingan ini.
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (d)
- Mengelakkan jati diri
 - Cekal dan tabah menghadapi segala rintangan
 - Mengelakkan keharmonian hidup pelbagai kaum
 - Menyokong dasar-dasar kerajaan
- [Mana-mana jawapan munasabah]

2 Sebanyak 10 ribu orang dianggarkan menghantar rombongan kemerdekaan ke London di Tanjung Pagar, Singapura.

- (a) Namakan wakil yang terlibat dalam rombongan kemerdekaan tersebut.

[2 markah]

- (b) Ceritakan perjalanan rombongan rundingan kemerdekaan ke London.

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut bukannya kapal terbang?
Berikan hujah anda.

[4 markah]

2 (a) **Wakil Raja-raja Melayu**

- Menteri Besar Perak - Dato' Panglima Bukit Gantang, iaitu Dato' Haji Wahab Abd Aziz
- Menteri Besar Selangor - Encik Abdul Aziz Abdul Majid
- Menteri Besar Johor - Dato' Mohamad Seth Mohammad Said
- Menteri Besar Kelantan - Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood

Wakil Parti Perikatan

- Tunku Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussein
- H.S. Lee
- Dr. Ismail Abdul Rahman

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b)
- Tunku Abdul Rahman berangkat dari Kuala Lumpur ke Singapura
 - Menaiki kapal laut, M.V. Asia berlepas dari Pelabuhan Tanjung Pagar, Singapura
 - Rombongan ini singgah di Karachi, Pakistan
 - Kemudian, menaiki kapal terbang menuju ke London
 - Tiba di London pada 14 Januari 1956

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Dapat menggunakan masa pelayaran untuk berbincang dengan wakil Raja-raja Melayu
 - Kedua-dua pihak dapat menyusun strategi bersama-sama apabila berunding dengan kerajaan British

[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei



1 Dalam usaha membentuk Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 (PTM), satu perjanjian telah ditandatangani pada 5 Ogos 1957 yang dinamakan sebagai Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

(a) Jelaskan tentang Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

[4 markah]

(b) Terangkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

[8 markah]

(c) Berdasarkan pengkajian anda, apakah yang dapat anda rumuskan berkenaan bab ini?

Beri hujah anda.

[8 markah]

- 1 (a)
- Pengamalan Raja Berperlembagaan dan Sistem Demokrasi Berparlimen, kewarganegaraan, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain, kedudukan agama Islam dan bahasa
 - Ditandatangani antara Raja-raja Melayu dengan Sir Donald MacGillivray bagi pihak baginda Queen Elizabeth II di King's House, Kuala Lumpur

(b) **Kewarganegaraan**

- Setiap orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas hari merdeka akan menjadi warganegara
- Kewarganegaraan diberikan melalui penguatkuasaan undang-undang didaftarkan sebagai rakyat dan naturalisasi

Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain

- Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
- Hak untuk masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi

Kedudukan agama Islam

- Agama Islam sebagai agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan

Kedudukan Bahasa Melayu

- Diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Pihak Raja-raja Melayu serta para pemimpin dan pihak British mengadakan beberapa rundingan
 - Gandingan permuafakatan antara wakil Raja-raja Melayu dengan pemimpin
 - Rombongan kemerdekaan diraikan di Padang Banda Hilir, Melaka, bagi Suruhanjaya Reid Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk
 - Menjadi asas kepada terbentuknya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang merdeka
- [Mana-mana jawapan munasabah]

2 Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima daripada pihak Raja-raja Melayu, parti politik, badan awam dan orang perseorangan untuk dipertimbangkan dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

- (a) Jelaskan tentang memorandum bertulis daripada pihak Raja-raja Melayu.

[4 markah]

- (b) Apakah yang terkandung dalam memorandum daripada parti politik dan pihak awam untuk dipertimbangkan?

[8 markah]

- (c) Sikap keterbukaan dengan menerima pandangan daripada pelbagai pihak perlu dipertahankan.

Pada pendapat anda, apakah kepentingannya kepada negara kita? Beri hujah anda.

[8 markah]

- 2 (a) • Mencadangkan Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara
• Yang di-Pertuan Agong dipilih berdasarkan kekanan
• Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain

[Mana-mana fakta berkaitan]

(b) **Soal kewarganegaraan**

- Parti Perikatan menyuarakan cadangan melalui Testament Amanah Politik Perikatan
- Dewan Perniagaan Melayu memohon mengetatkan soal kewarganegaraan
- Persatuan Dewan Perniagaan Cina se-Malaya menggesa suruhanjaya membuat peruntukan bagi kewarganegaraan menerusi kelahiran
- Masyarakat India menuntut kedudukan kewarganegaraan mereka diteliti
- Masyarakat Serani mahu hak mereka dipertahankan

Bahasa dan pendidikan

- Memorandum daripada MCA menuntut supaya semua sekolah yang ada daripada aliran bahasa Inggeris atau vernakular diteruskan
- Mencadangkan semua sekolah kebangsaan mempelajari bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Mengutamakan rundingan sebagai penyelesaian masalah
• Berani memberi pendapat
• Mengamalkan sikap sentiasa bertoleransi
• Menerima perubahan dan pembaharuan

[Mana-mana jawapan munasabah]

**Soalan Topikal Struktur**

1 Kemerdekaan sememangnya dinantikan oleh seluruh rakyat di negara kita.

Bagi memastikan detik ini bermakna kepada negara dan rakyat, maka beberapa persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri.

(a) Apakah persediaan yang diatur bagi menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara?

[2 markah]

(b) Bagaimanakah hebahan kepada rakyat dilakukan sempena sambutan pemasyhuran kemerdekaan negara?

[2 markah]

(c) Apakah jawatankuasa yang dibentuk bagi memastikan sambutan kemerdekaan negara berjalan dengan lancar?

[2 markah]

(d) Pada pendapat anda, bagaimanakah perasaan rakyat Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu?
Kemukakan alasan anda.

[2 markah]

- 1 (a)
- Menubuhkan jawatankuasa persediaan fizikal dan sambutan
 - Upacara sambutan kemerdekaan di setiap negeri
 - Tumpuan upacara adalah di Padang Kelab Selangor dan Stadium Merdeka

- (b)
- Tunku Abdul Rahman selaku ketua berucap dalam Radio Malaya menyeru seluruh rakyat meraikan Hari Kemerdekaan
 - Dato'Abdul Razak Hussein memaklumkan rakyat menerusi Radio Malaya tentang atur cara sambutan kemerdekaan

- (c)
- Jawatankuasa Pusat Perayaan Merdeka
 - Jawatankuasa Kerja Pusat Merdeka
 - Jawatankuasa Perayaan Ibu Kota Persekutuan
 - Jawatankuasa Derma Perayaan Kemerdekaan
- [Mana-mana faktta berkaitan]

- (d)
- Gembira
 - Bersyukur
 - Berterima kasih
 - Bangga
 - Terharu
 - Teruja
- [Mana-mana jawapan munasabah]

2 Bagi memastikan detik sambutan kemerdekaan ini bermakna kepada negara dan rakyat, maka beberapa persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri melalui penubuhan jawatankuasa persediaan fizikal dan sambutan.

(a) Apakah peranan Jawatankuasa Sambutan?

[2 markah]

(b) Jelaskan suasana persediaan yang dilaksanakan dalam usaha memeriahkan sambutan pemasyhuran kemerdekaan.

[4 markah]

(c) Sekiranya anda salah seorang yang berpeluang terlibat dalam sambutan tersebut, apakah yang akan anda lakukan? Beri hujah anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Berperanan memeriahkan sambutan pada peringkat ibu kota dan negeri
 - Bangunan, jalan raya dan Padang Kelab Selangor dihiasi lampu
 - Pintu-pintu gerbang dibina dan dihiasi lampu berwarna-warni
 - 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu ditempah khas
- [Mana-mana fakta berkaitan]

(b) **Pakaian khas**

- Menteri dan pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas
- Sejenis pakaian dari negeri Kedah, iaitu "baju muskat" direka untuk menteri

Kursus khas protokol

- Mengajurkan kursus khas protokol selama tiga hari
- Bertindak sebagai pegawai penerangan, pegawai pengiring tetamu, pegawai jemputan luar negara

Gaji seminggu awal

- Semua pegawai dan kakitangan kerajaan diberikan gaji seminggu awal
- [Mana-mana fakta berkaitan]


(c)

- Menjadi ahli dalam jawatankuasa yang dibentuk
- Menyertai pertandingan mencipta lagu rasmi kebangsaan
- Menyertai pertandingan mencipta bendera negara
- Memberi pendapat berkaitan bunga yang perlu dipilih sebagai bunga kebangsaan
- Melibatkan diri dalam kumpulan yang menghias bangunan, jalan raya
- Menyertai kursus berkaitan protokol yang dianjurkan kerajaan
- Menghadiri upacara sambutan kemerdekaan di Stadium Merdeka

[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei

- 1 Lambang kebangsaan seperti Jata Negara, lagu kebangsaan, bendera kebangsaan dan bunga kebangsaan merupakan identiti dan jati diri rakyat serta menjadi simbol perpaduan kaum.



Jata Negara 1957



Jata Negara kini

- (a) Bezakan maksud dan simbol pada Jata Negara 1957 dan kini.

[4 markah]

- (b) Apakah kepentingan Jata Negara?
Beri hujah anda.

[8 markah]

- (c) Apakah perasaan yang timbul dalam diri anda apabila lambang-lambang negara kita dipamerkan di negara luar?
Kemukakan alasan anda.

[8 markah]

- 1 (a) **Jata Negara 1957**

- Bintang mempunyai 11 bucu yang mewakili 11 negeri
- Lambang untuk negeri Pulau Pinang adalah berbentuk Princess of Wales feathers, manakala untuk negeri Melaka ia berbentuk Kota A Famosa

Jata Negara kini

- Bintang pecah 14 – mewakili 13 buah negeri dan wilayah persekutuan dalam Malaysia
- Lambang negeri Pulau Pinang ditambah gambar jambatan Pulau Pinang, lambang pokok Melaka menggantikan Kota A Famosa

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b)
- Lambang kemegahan rakyat
 - Lambang rasmi negara
 - Identiti sesebuah negara
 - Menjadi kebanggaan warga negara
 - Simbol perpaduan
 - Lambang kedaulatan negara
 - Memangkin semangat patriotik rakyat

[Mana-mana jawapan munasabah]

- (c)
- Sayang kepada negara
 - Megah dan bangga
 - Gembira
 - Terharu

[Mana-mana jawapan munasabah]

2 Selepas mencapai kemerdekaan, kerajaan menekankan pembangunan ekonomi melalui pelbagai usaha seperti berikut.

- Rancangan Malaya Pertama (1956-1960)
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
- Institusi Kewangan Tempatan
- Pembangunan luar bandar
- Rancangan Buku Merah

(a) Apakah matlamat Rancangan Malaya Pertama diperkenalkan?

[4 markah]

(b) Jelaskan usaha-usaha kerajaan membangunkan ekonomi selain di atas.

[8 markah]

(c) Walaupun pada peringkat awal kemerdekaan kerajaan berusaha membangunkan kawasan luar bandar, peruntukan yang tidak mencukupi menjadi penghalang. Namun begitu, kerajaan sentiasa komited menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang cemerlang.

Buktikan kemajuan Malaysia dalam bidang ekonomi.

[8 markah]

- 2 (a)
- Meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara
 - Merapatkan jurang perbezaan dengan penduduk bandar
 - Mempelbagaikan keluaran pertanian
 - Menambahkan peluang pekerjaan
 - Menambah sumber pendapatan negara

[Mana-mana fakta berkaitan]

(b) **Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)**

- Ditubuhkan pada tahun 1956 untuk memajukan tanah bahanar
- Keluarga dari kawasan luar bandar dipindahkan ke rancangan tanah FELDA

Institusi Kewangan Tempatan

- Malay National Bank atau Bank Kebangsaan Melayu ditubuhkan
- Bank Negara mula beroperasi pada 26 Januari 1959
- Kwong Yik Bank ditubuhkan pada 1913 di Kuala Lumpur

Pembangunan Luar Bandar

- Kementerian Pembangunan Luar Bandar diwujudkan untuk membangunkan infrastruktur, sosial dan ekonomi luar bandar
- Majlis Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan bagi merancang dan menyelaraskan pelaksanaan projek pembangunan

Rancangan Buku Merah

- Dilancarkan pada 25 Januari 1961
- Mengandungi projek berkaitan kemudahan asas
- Pemantauan dan maklum balas dalam Buku Merah diletakkan di dalam Bilik Gerakan Kemajuan Negara

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Pembuatan automobil dan industri berat
 - Pengeluar komoditi dunia
 - Menjadikan pertanian sebagai satu industri
 - Menyediakan zon perdagangan bebas
 - Menggalakkan industri elektronik
 - Pusat pengeluaran herba
 - Bandar warisan dunia untuk pelancongan
 - Industri perkapalan
 - Sistem perbankan yang kukuh
 - Wilayah Pembangunan Iskandar
 - Wilayah Ekonomi Pantai Timur

[Mana-mana jawapan munasabah]




Video PdPR

Tingkatan 5

Soalan Topikal Struktur

1 Rajah berikut berkaitan ciri negara yang berdaulat.



(a) Nyatakan ciri berikut:

(i) X: _____

(ii) Y: _____

[2 markah]

(b) Jelaskan kepentingan mewujudkan negara berdaulat.

[4 markah]

(c) Setem kenangan berikut berkaitan keunikan rakyat Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum.



Bagaimanakah keunikan tersebut mengukuhkan kedaulatan negara kita?

[4 markah]

- 1 (a) (i) X: Sistem perundangan
(ii) Y: Sempadan negara

(b) Keberkesanan pentadbiran

- Mentadbir tanpa campur tangan kuasa luar

Kemakmuran ekonomi

- Menjalankan dasar untuk memajukan taraf hidup rakyat

Kesejahteraan sosial

- Melaksanakan dasar untuk perpaduan rakyat

Kecemerlangan hubungan luar

- Menjalin hubungan diplomatik / persahabatan dengan negara lain

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) Kepelbagaiann kaum / etnik

- Melayu / Cina / India / Iban / Kadazan dan lain-lain
- Pelbagai agama, bahasa dan adat resam

Hidup bersama / harmoni

- Merayakan festival / ziarah menziarahi
- Bertoleransi / hormat menghormati pelbagai budaya
- Lambang perpaduan bangsa

Kekayaan warisan budaya bangsa

- Kebebasan asasi dalam masyarakat demokratik
- Citra warna Malaysia
- Menarik kehadiran pelancong luar
- Menaikkan imej negara

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Jadual berikut berkaitan perkataan yang menjadi takrif kedaulatan berdasarkan pelbagai bahasa.

Bahasa	Perkataan
Yunani	Supernus atau superanus
Inggeris	Sovereignty
Arab	X
Melayu	Y

(a) Nyatakan perkataan berikut:

- (i) X: _____
(ii) Y: _____ [2 markah]

(b) Rumuskan maksud kedaulatan berdasarkan perkataan tersebut.

[4 markah]

(c) Jelaskan kedaulatan negara Malaysia berdasarkan gambar berikut.



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong bersemayam di atas singahsana



Sambutan Hari Kebangsaan

- 2 (a) (i) X: Daulah
(ii) Y: Daulat

- (b)
- Kekuasaan tertinggi dalam negara
 - Sebuah kerajaan yang bebas
 - Mempunya kuasa penuh dalam pemerintahan
 - Mempunya hak mentadbir negara
 - Asas negara merdeka
 - Mengatur urusan dalam negeri
 - Tanpa telunjuk kuasa asing
- [Mana-mana fakta berkaitan]


(c) Pemerintahan beraja

- Raja Berperlembagaan
 - Raja memegang tampuk pemerintahan / kuasa tertinggi
 - Yang di-Pertuan Agong Ketua Utama Negara
 - Menjadi lambang negara berdaulat
 - Tumpuan taat setia rakyat
 - Menjamin kestabilan politik
- Kewibawaan negara sebuah negara merdeka**
- Bebas dari penjajahan
 - Mempunya bendera kebangsaan / jalur gemilang
 - Semangat patriotik / cintakan akan negara
 - Rakyat bersatu padu
 - Rakyat hidup sejahtera
- [Mana-mana jawapan munasabah]

[4 markah]

Soalan Topikal Esei

1 Rajah berikut berkaitan jenis kedaulatan.



(a) Jelaskan konsep kedaulatan undang-undang.

[4 markah]

(b) Bandingkan kedaulatan tradisional dengan kedaulatan moden.

[8 markah]

(c) Jadual berikut berkaitan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Tahun	Malaysia dalam PBB
1957	Malaysia diterima secara rasmi menjadi anggota PBB.
1965	Malaysia dipilih sebagai anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB.
1989 – 1990	
1999 – 2000	
2015 – 2016	

Mengapa peristiwa tersebut dianggap sangat penting kepada kedaulatan negara kita?

[8 markah]

- 1 (a)
- Kerajaan dan rakyat terikat dengan undang-undang
 - Menjamin kehidupan bermasyarakat
 - Mewujudkan keamanan
 - Memastikan kestabilan
 - Meningkatkan kemakmuran

(b) **Kedaulatan tradisional**

- Wujud sejak tamadun awal manusia
- Pemerintahan berkuasa mutlak
- Kedaulatan Raja-raja Melayu
- Kewibawaan / Kekuasaan Raja
- Raja pemerintah kuasa tertinggi
- Diperkuuh oleh taat setia rakyat

Kedaulatan moden

- Berkait idea negara bangsa
- Selepas Revolusi Keagungan (England) dan Revolusi Perancis
- Berkait hak rakyat
- Kerajaan berperlembagaan
- Selepas Perang Dunia Pertama, berkait dengan nasionalisme
- Persamaan rumpun bangsa dan bahasa
- Pembinaan negara bangsa
- Persekutuan Tanah Melayu 1957/ Persekutuan Malaysia 1963

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Kedaulatan antarabangsa
 - Pengiktirafan PBB
 - Negara bebas / merdeka / berdaulat
 - Negara tidak dicabuli negara lain
 - Dapat meluaskan hubungan diplomatik / persahabatan
 - Prinsip persamaan dari segi undang-undang antarabangsa
 - Negara dapat memainkan peranan/ menyumbang kepada kesejahteraan dunia
 - Meningkatkan imej negara

[Mana-mana jawapan munasabah]

2 Petikan berita berikut berkaitan kedaulatan negara Malaysia.

KUALA LUMPUR, 30 Ogos – Mengekalkan kemerdekaan, kedaulatan serta keamanan negara sejak 63 tahun lepas merupakan amanah besar yang perlu dipikul oleh seluruh rakyat Malaysia, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Muhyiddin berkata seperti mana yang disebut oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman dalam pemasyhuran kemerdekaan pada 1957, negara hendaklah kekal merdeka dan berdaulat, dan seluruh rakyatnya aman, sejahtera selama-lamanya.

Sumber:[https://www.pmo.gov.my/ms/2020/08/rakyat-malaysia pikul-amanah besar-kekal-kedaulatan-kemerdekaan-negara/](https://www.pmo.gov.my/ms/2020/08/rakyat-malaysia-pikul-amanah-besar-kekal-kedaulatan-kemerdekaan-negara/)

- (a) Apa yang anda faham tentang kedaulatan?

[4 markah]

- (b) Apakah kepentingan mewujudkan negara berdaulat?

[8 markah]

- (c) “Mengekalkan kemerdekaan, kedaulatan serta keamanan negara sejak 63 tahun lepas merupakan amanah besar yang perlu dipikul oleh seluruh rakyat Malaysia”.

Beri ulasan anda terhadap pernyataan tersebut.

[8 markah]

2 (a) Kekuasaan tertinggi

- Kewibawaan pemerintahan
- Kebebasan membentuk dasar negara
- Kemerdekaan mengatur urusan dalam negara
- Kedaulatan undang-undang
- Kebajikan dan kesejahteraan rakyat
- Kerajaan yang diiktiraf oleh negara lain

[Mana-mana fakta berkaitan]

(b) Membentuk keberkesanan pentadbiran

- Bebas menjalankan urusan pentadbiran
- Tanpa campur tangan kuasa asing

Mewujudkan kemakmuran ekonomi

- Memajukan pertanian / perindustrian / perdagangan
- Meningkatkan taraf hidup rakyat

Memupuk kesejahteraan sosial

- Memajukan bidang pendidikan
- Melahirkan generasi berilmu
- Boleh menyumbang kepada pembangunan negara
- Memupuk perpaduan rakyat
- Seperti pengenalan Rukun Negara sebagai pegangan rakyat

Membina kecemerlangan hubungan luar negara

- Menjalinkan hubungan diplomatik / persahabatan
- Mengadakan perjanjian kerjasama
- Mendapat pengiktirafan daripada negara lain

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) Peranan pemerintah

- Mewujudkan pentadbiran yang cekap
- Menggubal undang untuk perpaduan / intergrasi nasional
- Menganjurkan sambutan untuk membentuk semangat patriotik
- Menggubal dasar keselamatan negara

Peranan rakyat


- Memberikan kesetiaan kepada raja dan negara
- Bertoleransi dalam masyarakat / hormat menghormati
- Menghormati lambang-lambang negara
- Sanggup berkorban demi mempertahankan negara

[Mana-mana jawapan mumasabah]



Soalan Topikal Struktur

1 Rajah berikut berkaitan dengan asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan.



(a) Namakan **dua** undang-undang yang diamalkan dalam Kesultanan Melayu Melaka.

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** undang-undang negeri Melayu yang mewarisi undang-undang Kesultanan Melayu Melaka.

[2 markah]

(c) Jelaskan tentang Charter of Justice.

[2 markah]

(d) Mengapakah undang-undang penting dalam pemerintahan sesebuah negara?

[4 markah]

- 1 (a) • Hukum Kanun Melaka
• Undang-undang Laut Melaka

- (b) • Hukum Kanun Pahang
• Undang-Undang Kedah
• Undang-Undang Johor
• Undang-Undang 99 Perak
[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Undang-undang Inggeris pertama di negara kita
• Piagam terpilih daripada undang-undang di England
• Diperkenalkan di Negeri-negeri Selat
• Charter of Justice I (1807), Charter of Justice II (1846), Charter of Justice III (1855),
• Melindungi penduduk asal daripada penindasan
[Mana-mana fakta berkaitan]

- (d) **Mewujudkan kestabilan politik**

- Memudahkan mentadbir negara
- Merancang pembangunan
- Memakmurkan ekonomi**
- Melaksanakan dasar untuk meningkatkan taraf hidup rakyat

Membentuk kesejahteraan sosial


- Memupuk disiplin rakyat
- Membendung jenayah
- Menyatupadukan penduduk

Kedaulatan negara

- Masyarakat harmoni
- Negara aman

[Mana-mana jawapan munasabah]

2 Rajah berikut berkaitan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan.



(a) Namakan badan yang menggubal undang-undang berikut:

(i) Akta dan Ordinan Negeri-negeri Selat

(ii) Undang-undang Negeri-negeri Melayu Bersekutu

[2 markah]

(b) Nyatakan perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan 1948.

[2 markah]

(c) Jelaskan perkara terma rujukan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang menjadi asas kepada Perlembagaan Persekutuan 1957.

[3 markah]

(d) Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi yang menjadi panduan pemerintahan kepada sesebuah negara.

Pada pandangan anda, mengapakah perlembagaan penting kepada sesebuah negara?

[3 markah]

- 2 (a) (i) Majlis Undangan Negeri-negeri Selat
(ii) Majlis Persekutuan
- (b) • Pentadbiran
• Kuasa Raja Melayu
• Perundangan
• Kewarganegaraan
- (c) • Kerajaan Persekutuan yang kukuh
• Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu
• Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
• Parlimen mengandungi dua Dewan, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara
• Kewarganegaraan yang sama
[Mana-mana fakta berkaitan]

- (d) • Lambang kedaulatan negara
• Menentukan hala tuju pentadbiran negara
• Menetapkan kuasa kerajaan
• Menentukan hak rakyat
• Usaha membangunkan negara
• Melahirkan rakyat yang bersatu padu
• Mewujudkan negara aman / harmoni
• Melahirkan warganegara yang setia kepada pemerintah dan negara
• Perlembagaan berperanan besar mengekalkan kedaulatan negara
[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei



1 Rajah berikut berkaitan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.



(a) Jelaskan ciri tradisional dalam perlembagaan tersebut.

[6 markah]

(b) Terangkan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan.

[6 markah]

(c) Gabungan ciri tradisional dan moden dalam Perlembagaan Persekutuan mewujudkan asas pentadbiran yang unik dan unggul di negara kita.

Beri ulasan anda.

[8 markah]

1 (a) Pemerintahan beraja

- Yang di-Pertuan Agong / Raja pemerintah tertinggi Agama Islam
- Raja sebagai ketua agama Islam
- Bahasa Melayu**
- Bahasa kebangsaan / Bahasa rasmi
- Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputra**
- Diperlihara oleh Yang di-Pertuan Agong
- Termasuk kepentingan sah kaum lain

(b) Kerajaan Persekutuan

- Pembahagian kuasa kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
 - Sistem Demokrasi berparlimen**
 - Pilihan raya / rakyat memilih wakil pemimpin
 - Kewarganegaraan**
 - Kerakyatan sama selepas merdeka
- [Mana-mana fakta berkaitan]

(c) Saling melengkapi untuk mewujudkan pentadbiran yang kukuh


- Pemerintahan beraja warisan budaya Melayu
- Berjalan serentak dengan sistem moden / Demokrasi Berparlimen / Model Westminster England
- Kombinasi / Pendekatan terbaik mengimbangi amalan demokrasi
- Dalam negara masyarakat berbilang kaum
- Kepelbagaian bangsa, agama dan budaya

Mewujudkan mekanisme semak dan imbang antara satu sama lain

- Pemerintahan beraja mampu meredakan krisis dalam demokrasi
- Seperti perbalahan parti politik yang pelbagai ideologi / konflik perkauman dalam masyarakat
- Semenjak merdeka sehingga kini, gabungan pemerintahan beraja dan Demokrasi Berparlimen terbukti berjaya membawa kemakmuran negara dan kesejahteraan hidup rakyat

[Mana-mana jawapan munasabah]

2 Rajah berikut berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan.



(a) Apakah sebab berlaku pindaan perlembagaan pada tahun 1963 dan 1965?

[4 markah]

(b) Jelaskan perkara yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1963.

[8 markah]

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah perlembagaan perlu dipindahkan semasa ke semasa?
Berikan penjelasan anda.

[8 markah]

2 (a) **Sebab pindaan perlembagaan 1963**

- Pembentukan Malaysia
- Pengabungan Sarawak, Sabah dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu
- Menyesuaikan peruntukan negeri baharu ke dalam perlembagaan
- Memasukkan perkara baharu berdasarkan keperluan semasa

Sebab pindaan perlembagaan 1965

- Singapura dikeluarkan daripada Malaysia
- Mengeluarkan semua perkara berkaitan Singapura
- Seperti soal imigresen, kewangan, hubungan luar dan pertahanan

(b) **Struktur Mahkamah Atasan**

- Mahkamah Atasan diwujudkan di Persekutuan Tanah Melayu, di Sarawak dan Sabah serta di Singapura
- Mahkamah Persekutuan diwujudkan sebagai Mahkamah Atasan
- Mahkamah Persekutuan berkuasa mendengar persoalan perlembagaan / Pertikaian Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo

- Mengekalkan Mahkamah Tinggi Malaya
- Mewujudkan Mahkamah Tinggi Borneo
- Menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah
- Jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan berpusat di Kuching, Sarawak

Jawatan Yang di-Pertua Negeri

- Dilantik Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negeri Sarawak dan Sabah
- Bertindak mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak / Kabinet Negeri bagi Sabah

[Manfaat fakta berkaitan]

(c) • Supaya undang-undang relevan dengan situasi semasa

- Perkembangan globalisasi
- Menjadi undang-undang yang munasabah
- Menampung kelemahan
- Melicinkan urusan pentadbiran negara
- Menjamin keharmonian negara dan rakyat
- Menjaga kebijakan rakyat

[Manfaat jawapan munasabah]




Video PdPR

Tingkatan 5

Soalan Topikal Struktur

- 1 Rajah berikut berkaitan perkembangan pemerintahan beraja di negara kita.



- (a) Nyatakan ciri pemerintahan beraja Kesultanan Melayu Melaka.

[2 markah]

- (b) Bandingkan kedudukan Raja-raja Melayu dalam Malayan Union 1946 dan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[4 markah]

- (c) Bagaimakah pemerintahan beraja selepas merdeka mengukuhkan kedaulatan bangsa dan negara?

[4 markah]

- 1 (a) Raja berkuasa mutlak

- Kuasa pemerintahan
- Kuasa perundangan
- Kuasa kehakiman

Berdasarkan undang-undang

- Hukum Kanun Melaka / Undang-Undang Laut Melaka

Berdasarkan konsep Islam

- Ketua agama
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) Malayan Union

- Raja hilang kuasa sebagai pemerintah negeri
- Kuasa pemerintahan di tangan Raja England
- Gabenor dilantik sebagai ketua Malayan Union
- Raja Melayu menentang Malayan Union

Persekutuan Tanah Melayu

1948


- Raja Melayu memperoleh kembali kuasa memerintah
 - Menggubal Undang-undang Tubuh bagi negeri masing
 - Menjadi Raja Berperlembagaan
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Penerusan tradisi sejarah / warisan bangsa

- Pemerintahan beraja disesuaikan dengan konsep demokrasi
- Raja sebagai pemerintah tertinggi
- Mengimbangi pemerintahan demokrasi yang didukung rakyat
- Menjadi lambang / identiti negara
- Lambang ketaatan
- Tonggak kestabilan
- Teras perpaduan rakyat

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Rajah berikut berkaitan penubuhan Majlis Raja-Raja yang bermula dengan pembentukan Durbar.



- (a) Apakah kepentingan pembentukan Durbar pada tahun 1986?

[2 markah]

- (b) Bandingkan Majlis Sultan-Sultan dalam Malayan Union 1946 dengan Majlis Raja-Raja dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[4 markah]

- (c) Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-raja berperanan mengukuhkan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Beri ulasan anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Durbar seiring dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu
 - Berperanan sebagai majlis persidangan bagi Raja Melayu negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang
 - Membincangkan hal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan British
 - [*Mana-mana fakta berkaitan*]

- (b) **Majlis Sultan-sultan Malayan Union**

- Dipengerusikan Gabenor Malayan Union
- Dianggotai sembilan Raja Melayu dan tiga pegawai kanan British
- Membincangkan undang-undang berkaitan agama Islam
- Tidak pernah diwujudkan kerana Raja-raja Melayu menentang Malayan Union

- Majlis Raja-raja Persekutuan Tanah Melayu 1948**

- Dipengerusikan dalam kalangan sembilan Raja Melayu
- Menjadi institusi khas untuk Raja-raja Melayu / sembilan Raja Melayu
- Disertai Penyimpan Mohor Besar Raja-raja
- Berkuasa mendapat penerangan dari Pesuruhjaya Tinggi British berkaitan penggubalan undang-undang / dasar Kerajaan Persekutuan

- (c)
- Mempunyai kuasa berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan
 - Memilih Ketua Utama Negara / Yang di-Pertuan Agong

- Berperanan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi
- Hak untuk dirundingi dalam pelantikan penting
- Hak untuk membincangkan hal berhubung dengan dasar negara

[*Mana-mana jawapan munasabah*]

Soalan Topikal Esei

- 1 Pernyataan berikut berkaitan Perkara 32 dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
Bahagian IV
PERSEKUTUAN

Bab 1-Ketua Utama Negara

Perkara 32: Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan Isterinya

(1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

- (a) Jelaskan kedudukan institusi Yang di-Pertuan Agong berdasarkan perlembagaan tersebut.

[4 markah]

- (b) Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas dalam sistem pemerintahan di negara kita meliputi kuasa perundangan, eksekutif dan kehakiman. Terangkan.

[8 markah]

- (c) Pernyataan berikut berkaitan institusi Raja Berperlembagaan di negara kita.

“Dalam politik Malaysia yang semakin kompleks, peranan institusi Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja semakin relevan dan signifikan”.

– Berita Harian, 15 Jun 2020

Beri ulasan anda berkaitan pernyataan tersebut.

[8 markah]

- 1 (a)
- Ketua Utama Negara bagi Persekutuan
 - Keutamaan daripada semua orang dalam Persekutuan
 - Tidak boleh dikenakan prosiding dalam mahkamah
 - Kecuali Mahkamah Khas
 - Memegang jawatan selama lima tahun
- [Mana-mana fakta berkaitan]

(b) **Kuasa eksekutif**

- Bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri
- Melantik Perdana Menteri / Jemaah Menteri
- Melantik Peguam Negara / Panglima Angkatan / Tentera / Ketua Audit Negara
- Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
- Melantik / Menerima menghadap diplomat

Kuasa perundangan

- Memperkenankan Rang Undang-undang
- Memanggil Parlimen bersidang / membubarkan Parlimen
- Ketua agama Islam di negeri baginda / Wilayah Persekutuan / Melaka / Pulau Pinang / Sarawak / Sabah
- Melindungi kedudukan istimewa orang Melayu / bumiputra / kepentingan sah kaum lain
- Membuat pengisytiharan darurat

Kuasa kehakiman

- Melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri
 - Mengampunkan / Menangguhkan / Meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah
- [Mana-mana fakta berkaitan]

(c)

- Pemerintahan beraja mengimbangi pemerintahan demokrasi
 - Raja-raja berkecuali dalam hal-hal politik
 - Mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan demokrasi yang kompleks
 - Kuasa budi bicara raja
 - Mampu meredakan krisis yang berlaku dalam pemerintahan demokrasi
 - Perbalahan parti politik
 - Konflik perkauman dalam masyarakat
 - Kuasa mengisytiharkan darurat
 - Memastikan ketenteraman awam / keselamatan negara
- [Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Jadual berikut berkaitan ciri Demokrasi Berparlimen berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bahagian / Perkara	Peruntukan Perlembagaan Persekutuan
II / Perkara 5 hingga 13	Kebebasan asasi
VIII / Perkara 113 hingga 119	Pilihan raya

- (a) Jelaskan ciri demokrasi dalam amalan pilihan raya di negara kita.

[4 markah]

- (b) Terangkan jaminan terhadap kebebasan asasi di negara kita berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

[8 markah]

- (c) Kebebasan asasi di negara kita tidak bersifat mutlak.
Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 2 (a)
- Pelbagai parti politik bertanding
 - Memperoleh mandat rakyat untuk memerintah
 - Kempen pilihan raya
 - Membolehkan rakyat, mengenali calon;
 - Memahami manifesto parti bertanding.
 - Rakyat menyemak nama pada daftar pemilih sebelum mengundi
 - Undian menggunakan prosedur yang telus / sistematis
 - Undi adalah rahsia, bukti keabsahan kerajaan dipilih rakyat
- [Mana-mana fakta berkaitan]

(b) **Kebebasan diri**

- Tidak boleh diambil nyawa / dilucutkan kebebasan diri
- Kecuali mengikut undang-undang

Kebebasan beragama

- Islam agama Persekutuan
- Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing

Hak berkenaan pendidikan

- Tiada diskriminasi terhadap warganegara
- Atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir

Kebebasan bersuara / berhimpun / berpersatuan

- Warganegara berhak kepada kebebasan bercakap
- Berhimpun secara aman / membentuk persatuan

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)

- Kebebasan asasi dikawal oleh undang-undang Parlimen / Akta
- Seperti Akta Hasutan / Akta polis / Akta Perhimpunan Aman / Akta Mesin Cetak dan Penerbitan
- Larangan membangkitkan perkara sensitif
- Demi memelihara perpaduan kaum
- Persatuan / Pertubuhan mesti didaftar oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS)
- Tidak boleh menerbitkan berita tentang ideologi bertentangan nilai / budaya masyarakat Malaysia
- Tidak boleh mempromosikan elemen keganasan
- Sekataan bertujuan memastikan ketenteraman / kesejeraan dalam masyarakat demokratik

[Mana-mana jawapan munasabah]




Video PdPR

Tingkatan 5

Soalan Topikal Struktur

- 1 Rajah berikut berkaitan pembahagian kerajaan dalam sistem Persekutuan di negara kita.



- (a) Nyatakan **dua** perkara di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.

[2 markah]

- (b) Apakah **dua** perkara yang kekal di bawah kuasa Kerajaan Negeri?

[2 markah]

- (c) Kerajaan Tempatan merupakan kerajaan yang paling hampir dengan rakyat.

Jelaskan.

[3 markah]

- (d) Sistem Persekutuan yang diamalkan sejak merdeka hingga kini mewujudkan pentadbiran yang kukuh di negara kita.

Berikan ulasan anda.

[3 markah]

- 1 (a) Hal ehwal luar negeri / Pertahanan / Keselamatan dalam negeri / Pentadbiran keadilan / Kewarganegaraan / Kewangan / Pelajaran / Perubatan dan kesihatan
[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) Undang-undang Islam / Tanah / Pertanian dan perhutanan / Kerajaan tempatan / Hari kelepasan negeri
[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Perantara Kerajaan Negeri dengan rakyat
• Mentadbir di kawasan petempatan
• Memberi perkhidmatan kepada rakyat
• Antaranya membangunkan perumahan awam / menyediakan kemudahan awam / perkhidmatan pembersihan / pasukan penyelamat
[Mana-mana fakta berkaitan]

- (d) • Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri
• Mengikut bidang kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan
• Pentadbiran sistematik
• Melicinkan tadbir urus negara
• Pembangunan negara lancar
• Kerjasama erat antara kerajaan Persekutuan dan Negeri
• Mengembangkan fikiran / tenaga / usaha
• Memberi manfaat kepada rakyat dan negara
[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Jadual berikut berkaitan pembentukan kawasan keselamatan khas yang diwujudkan di Sarawak dan Sabah.

	Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang (RASCOM)	Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM)
Tarikh Pembentukan	26 Mac 1972	1 April 2013
Kawasan Pentadbiran	Bahagian Ketiga Sarawak	10 daerah di Pantai Timur Sabah
Ketua Pentadbiran Peringkat Negeri	Ketua Menteri Sarawak sebagai Pengarah Operasi RASCOM	Ketua Menteri Sabah sebagai Pengerusi Jawatankuasa ESSZONE

- (a) Nyatakan faktor pengenalan pentadbiran kawasan keselamatan khas berikut:

(i) RASCOM:

(ii) ESSCOM:

[2 markah]

- (b) Jelaskan persamaan ciri pentadbiran RASCOM dan ESSCOM.

[4 markah]

- (c) Sejauh manakah keberkesanan RASCOM dan ESSCOM dalam menjamin keselamatan dan kedaulatan negara?
Beri ulasan anda.

[4 markah]

- 2 (a) (i) RASCOM: Ancaman pihak komunis
(ii) ESSCOM: Ancaman pengganas Sulu / pencerobohan di Lahat Datu

- (b)
- Melibatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
 - Dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan / Perdana Menteri
 - Ketua Menteri mengetuai operasi di peringkat negeri
 - Menggabungkan pasukan keselamatan dengan pejabat / perkhidmatan awam
 - Mengintergrasikan kerjasama agensi keselamatan seperti ATM dan PDRM
 - Bertujuan memulihkan keamanan / menjaga keselamatan
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- RASCO berjaya mengembalikan keamanan di Bahagian Ketiga Sarawak
 - Berjaya membanteras ancaman komunis / Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU)
 - Tahun 1995 RASCOM dibubarkan
 - Operasi keselamatan di bahagian tengah Sarawak diambil alih oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)
 - ESSCOM berjaya mengembalikan ketenteraman awam di pantai timur Sabah
 - Berjaya membanteras ancaman pengganas dari Kepulauan Sulu
 - Mengintergrasikan agensi keselamatan
 - Seperti ATM, PDRM dan APMM
 - Menangani ancaman jenayah rentas sempadan RASCOM dan ESSCOM berjaya mengekalkan kedaulatan negara
- [Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei



- 1 Jadual berikut pembahagian kuasa dalam sistem Persekutuan di negara kita.

Pembahagian Kuasa dalam Sistem Persekutuan		
Senarai Persekutuan	Senarai Negeri	Senarai Bersama
Kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan	Kuasa pemerintahan Kerajaan Negeri	Kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

- (a) Jelaskan Senarai Bersama dalam pembahagian kuasa tersebut.

[4 markah]

- (b) Berdasarkan kuasa yang diperuntukan, terangkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

[8 markah]

- (c) Sejak merdeka, sistem Persekutuan dan pembahagian kuasa yang diamalkan telah mewujudkan kestabilan dan kemakmuran di negara kita.

Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 1 (a)
- Parliment dan DUN boleh menggubal undang-undang
 - Untuk perkara yang sama
 - Jika bercanggah, undang-undang Parliment diguna pakai
 - Antara Senarai Bersama – kebajikan awam / biasiswa / perlindungan haiwan liar dan taman negara / perancangan bandar dan luar bandar / kesihatan awam / kebudayaan dan sukan / perumahan
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) **Kerjasama pembangunan sosioekonomi**

- Pembangunan tanah dan in-situ
- FELDA / FELCRA
- Pembangunan wilayah
- KEJORA / DARA / KESEDAR / KETENGAH / PERDA / KEDA
- Pembangunan Koridor Wilayah
- SJER (IM) / NCER / ECER / SCORE / SDC

Kerjasama pemuliharaan khazanah negara

- Pengurusan Taman Negara
- Pengurusan Taman Laut


Kerjasama penyediaan perumahan rakyat

- Perumahan awal merdeka
 - Perumahan basmi kemiskinan
 - Perumahan mampu milik
 - Kerjasama keselamatan dan kedaulatan negara
 - RASCOM di Sarawak
 - ESSCOM di Sabah
- [Mana-mana fakta berkaitan]


- (c)
- Pembahagian kuasa antara kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

- Pendekatan terbaik menjamin kekuatan / kekuasaan
 - Mewujudkan pentadbiran yang kukuh/berkesan/ sistematik
 - Melalui kerjasama pelbagai peringkat kerajaan
 - Pembangunan negara lebih berkesan
 - Ekonomi negara berkembang
 - Keluhuran perlembagaan mengukuhkan persekutuan
 - Penyelarasian antara Persekutuan dan negeri
 - Memberi manfaat kepada kesejahteraan negara
- [Mana-mana jawapan munasabah]

2 Gambar berikut berkaitan keunikan warisan biodiversiti di negara kita.



Gunung



Rafflesia



Ikan



Terumbu karang

- (a) Nyatakan kawasan perlindungan yang diwujudkan untuk memelihara warisan biodiversiti tersebut.

[4 markah]

- (b) Jelaskan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kekayaan warisan biodiversiti tersebut.

[8 markah]

- (c) Malaysia merupakan salah sebuah negara yang dikurniakan dengan kekayaan flora dan fauna yang menjadi warisan kebanggaan kita. Cadangkan langkah-langkah memulihara warisan biodiversiti tersebut untuk kepentingan generasi masa kini dan akan datang.

[8 markah]

2 (a) Mewujudkan Taman Negara / Taman Hidupan Liar

- Taman Negara (Pahang, Terengganu, Kelantan)/ Taman Negeri Royal Belum/ Taman Hidupan Liar Krau / Taman Negara Johor Endau Rompin

Mewujudkan Taman Laut

- Taman Laut di bawah Jabatan Taman Laut Malaysia / Jabatan Perikanan
- Taman Laut di Johor, Pahang, Kedah, Terengganu dan Labuan
- Taman Laut di bawah Taman-Taman Sabah
- Seperti Taman Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu dan Taman Tun Mustapha di Kudat

[Manfaat fakta berkaitan]

(b) Pengurusan Taman Negara

- Akta Perlindungan Hidupan Liar diwujudkan
- Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia ditubuhkan
- Mengambil alih Jabatan Mergastua negeri
- Pengurusan Perbadanan Perhutanan Sarawak
- Pentadbiran Jabatan Hidupan Liar Sabah

Pengurusan Taman Laut

- Kerajaan Persekutuan mewartakan 42 pulau sebagai Taman Laut
- Menubuhkan Majlis Penasihat Pusat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut
- Menubuhkan Jabatan Taman Laut Malaysia
- Pengurusan Taman-Taman Sabah

[Manfaat fakta berkaitan]

(c)

- Memperkenalkan pendidikan alam sekitar di sekolah
- Memupuk kesedaran pemeliharaan warisan flora dan fauna
- Memperbanyak kempen memelihara alam sekitar / warisan biodiversiti
- Seperti kempen Cintailah Sungai Kita
- Mencadangkan lebih banyak kawasan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO
- Menguatkuasakan undang-undang yang ketat
- Mewujudkan kawasan bio-pelancongan
- Mewujudkan muzium khas

[Manfaat jawapan munasabah]

- 3 Petikan berikut berkaitan perlaksanaan sistem Persekutuan di negara kita.

Dalam perspektif pentadbiran, Malaysia mengamalkan Sistem Persekutuan. Ia menjelaskan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Dari segi struktur pentadbiran, sistem pentadbiran disusun secara sistematik.

Sumber : news.utm.my

- (a) Bagaimanakah prinsip “Keluhuran Perlembagaan” mengukuhkan sistem pentadbiran tersebut?

[6 markah]

- (b) Jelaskan penyelarasan yang dilakukan untuk mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita.

[6 markah]

- (c) Sistem Persekutuan yang diamalkan sejak merdeka telah menyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran kepada negara. Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 3 (a)
- Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi
 - Undang-undang yang digubal oleh Parlimen / DUN tidak boleh bertentangan dengan perlembagaan
 - Tidak boleh bercanggah antara Persekutuan dan Negeri
 - Menjadi rujukan jika berlaku ketidakselarasan
 - Undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang Negeri
- [Mana-mana faktta berkaitan]

- (b) **Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri**

- Menyelaras pelaksanaan dasar kerajaan Majlis Negara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

Majlis Kewangan Negara

- Mentadbir hal kewangan
- Seperti pemberian wang, bayaran cukai dan pinjaman kerajaan Persekutuan kepada negeri

Majlis Tanah Negara

- membuat dasar mengawal penggunaan tanah untuk pertanian, perhutanan

Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

- Menyelaras pembangunan Kerajaan Tempatan

Majlis yang ditubuhkan kerajaan

- Contoh Majlis Keselamatan Negara, Majlis Air Negara, Majlis Perumahan Negara

Pengenalan jawatan Setiausaha Persekutuan bagi Sarawak dan Sabah

- Berperanan mengeratkan hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

[Mana-mana faktta berkaitan]

- (c) **Pemerintahan berkesan**

- Pembahagian kuasa
- Senarai Persekutuan / Senarai Negeri
- Melicinkan pentadbiran
- Pembangunan negara berjalan lancar

Kemajuan sosioekonomi

- Kerjasama pembangunan tanah
- Pembangunan wilayah / koridor wilayah
- Membuka peluang pekerjaan
- Meningkatkan taraf hidup rakyat

Keselamatan negara terjamin

- Kerjasama mewujudkan Kawasan keselamatan khas
- RASCOM di Sarawak / ESSCOM di Sabah

[Mana-mana jawapan munasabah]

**Soalan Topikal Struktur**

- 1 Gambar berikut berkaitan majlis menandatangani perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia – Malaysia di Jakarta pada Ogos 1966.



- (a) Mengapa perjanjian persetujuan tersebut ditandatangani?

[2 markah]

- (b) Jelaskan peristiwa yang membawa kepada perjanjian persetujuan tersebut.

[4 markah]

- (c) Dasar berbaik-baik dengan negara jiran memberi manfaat kepada negara terabit.

Beri ulasan anda.

[4 markah]

- 1 (a) • Peralihan kepimpinan Indonesia
• Menamatkan konfrontasi
• Memulihkan hubungan

- (b) • Parti Komunis Indonesia menyelar Malaysia dasar neokolonisme British
• Dr Subandrio / Menteri Luar Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi
• Rundingan menamatkan konfrontasi PBB/Manila/Bangkok gagal
• Peralihan kepimpinan Indonesia
• Suharto melantik Jeneral Ali dan Adam Malik berunding menamatkan konfrontasi
[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) **Kestabilan politik**
• Mengeratkan hubungan diplomatik / hubungan dua hala
• Menghormati kedaulatan negara

- Kemakmuran ekonomi**
• Meningkatkan hubungan perdagangan
• Mewujudkan pasaran buruh
• Kemasukan pelancong

- Kesejahteraan sosial**
• Kerjasama pendidikan
• Pertukaran budaya
• Hidup aman / harmoni
[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Petikan akhbar berikut berkaitan pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

Kota Kinabalu: Tarikh 16 September 1963 adalah detik bersejarah yang menyaksikan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah, Sarawak dan Singapura membentuk sebuah negara baharu bernama Malaysia.

Sumber: Berita Harian, 16 September 2018

- (a) Apakah faktor yang mendorong penyatuan wilayah tersebut?

[2 markah]

- (b) “Dengan penggabungan ini, lahirlah sebuah negara pelbagai bangsa dengan nama Malaysia yang gah dan masyhur dengan ekonomi yang kukuh dan politik yang sukar ditandingi...”

Sumber: UMP News, 15 September 2020

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan manfaat yang diperoleh Malaysia hasil daripada penggabungan tersebut.

[4 markah]

- (c) Pada pandangan anda, apakah cabaran yang perlu dihadapi oleh Malaysia bagi mengekalkan kemakmurannya?

[4 markah]

- 2 (a)
- Faktor keselamatan
 - Ancaman komunis di Singapura / Sarawak
 - Keseimbangan taburan penduduk
 - Mempercepat kemerdekaan
 - Pembangunan wilayah

- (b) **Keselamatan negara terjamin**

- Ancaman komunis dihapuskan
 - Perairan negara selamat
- Perkembangan ekonomi**
- Kemakmuran ekonomi dikongsi bersama
 - Pasaran meluas
- Perkembangan sosial**
- Pembangunan wilayah / Kawasan pedalaman
 - Kepelbagai budaya dan adat resam

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) **Mengekalkan kestabilan politik**

- Perebutan kuasa pemimpin politik
- Parti politik pelbagai kaum
- Memerlukan gabungan parti politik yang kukuh

Mengukuhkan perpaduan

- Kepelbagai kaum / budaya
- Berbeza pandangan dan ideologi

Ketidakstabilan ekonomi

- Ketidakseimbangan kemajuan ekonomi
- Jurang ekonomi antara negeri / wilayah
- Ekonomi dunia tidak stabil / kesan pandemik Covid-19

Ancaman kedaulatan negara

- Sempadan laut negara luas
- Mudah dibolosi / ancaman keselamatan
- Contoh: Isu Lahad Datu/ tuntutan Filipina ke atas Sabah
- Peningkatan jenayah rentas sempadan
- Pemerdagangan orang / Penyeludupan
- Inf: Kebijaksanaan pemimpin dapat memacu kegemilangan negara

[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei

1 Rajah berikut berkaitan langkah pembentukan Malaysia.



- (a) Namakan tokoh-tokoh pemimpin tempatan yang terlibat dalam langkah tersebut.

[4 markah]

- (b) Jelaskan langkah-langkah tersebut ke arah merealisasikan pengisytiharan Malaysia pada 16 September 1963.

[8 markah]

- (c) Langkah pembentukan Malaysia menyerlahkan kebijaksanaan pemimpin untuk memastikan kestabilan negara.
Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 1 (a) Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Ghazali Shafie, Donald Stephens, Datu Mustapha Datu Harun, Datu Bandar Abang, Haji Mustapha, Temenggung Jugah
[Mana-mana tokoh berkaitan]

- (b) Siri lawatan pemimpin Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah

- Penerangan kepada pemimpin / penduduk
- Meninjau kemajuan Penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)
- Perbincangan / kata sepakat
- Menyebarluaskan maklumat

Mengadakan referendum Singapura

- Persetujuan rakyat
- Menubuhkan Suruhanjaya Cobbold
- Meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah

Membentuk Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)

- Merangka perlembagaan
- Melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah

Pengisytiharan Malaysia

- Perjanjian Malaysia
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Mengiktiraf hak semua negeri dalam Malaysia

- Melalui permuaafakan
- Pertukaran pendapat dalam kalangan pemimpin
- Perkongsian kuasa / autonomi
- Menjaga hak / kepentingan bersama
- Meninjau pandangan / pendapat penduduk
- Hasil persetujuan bersama / Tiada unsur paksaan
- Mengelakkan konflik

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Perjanjian Malaysia Julai 1963 atau Malaysia Agreement 1963 (MA63) adalah sebuah dokumen yang ditandatangani oleh Kerajaan British, Persekutuan, Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura pada 9 Julai 1963 di London.

(a) Jelaskan intipati kandungan perjanjian tersebut.

[6 markah]

- (b) Perjanjian tersebut memberikan impak yang besar terhadap pembinaan negara bangsa yang berdaulat.

Beri penjelasan anda.

[6 markah]

- (c) 16 September diisytiharkan sebagai Hari Malaysia.

Sebagai warganegara, jelaskan perasaan anda setiap kali menyambut hari Malaysia pada setiap tahun.

[8 markah]

- 2 (a)
- Tarikh pembentukan Malaysia pada 31 Ogos 1963
 - Sarawak, Sabah dan Singapura bersama Persekutuan Tanah Melayu menjadi ahli Persekutuan Malaysia
 - British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia
 - Kelebihan Sarawak dan Sabah untuk menubuhkan kabinet negeri
 - Memperuntukkan tempoh masa peralihan kepada Sarawak dan Sabah
 - Kerusi Parlimen untuk Singapura sebanyak 15 kerusi, Sarawak 24 kerusi, dan Sabah 16 kerusi
 - Bumiputera Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan

- (b)
- Kelahiran sebuah negara bangsa yang berdaulat
 - Penggabungan melalui proses permuafakatan / perundingan
 - Mendapat pengiktirafan antarabangsa
 - Kemerdekaan Sarawak dan Sabah melalui penggabungan ke dalam Persekutuan Malaysia
 - Sarawak dan Sabah dibenarkan membentuk kabinet negeri sendiri
 - Hak penduduk Sarawak dan Sabah terpelihara / mempunyai autonomi
 - Pembangunan dapat dilaksanakan terutama di kawasan pedalaman
 - Keluasan sempadan negara
 - Keunikan / Kepelbagaiannya / budaya
 - Masyarakat berbilang kaum yang bersatu
- [Mana-mana jawapan munasabah]

- (c)
- Bangga -Menjadi anak Malaysia yang merdeka
 - Terharu -Mengenang pengorbanan pemimpin dan rakyat terdahulu dalam memperjuangkan kedaulatan negara
 - Gembira -Menyaksikan kemakmuran dan kejayaan yang dicapai oleh negara
 - Bimbang -Risau masa depan negara
 - Info: Semua pihak perlu bekerjasama memastikan kegemilangan negara demi kesejahteraan bersama.
- [Mana-mana jawapan munasabah]

Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia




Video PdPR

Tingkatan 5

Soalan Topikal Struktur

- 1 Rajah berikut berkaitan faktor pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965.



- (a) Jelaskan faktor politik yang mendorong pemisahan tersebut.

[2 markah]

- (b) Apakah isu ekonomi menjadi faktor pemisahan Singapura daripada Malaysia?

[4 markah]

- (c) Tindakan Tunku Abdul Rahman membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen adalah wajar.

Beri ulasan anda.

[4 markah]

- 1 (a)
- Lee Kuan Yew tidak puas hati peranan Singapura yang terhad
 - Konflik pemimpin PAP dengan Perikatan
 - Kempen Malaysian Malaysia
 - Lee Kuan Yew menuntut hak sama rata
 - Menimbulkan keresahan penduduk
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b)
- Singapura mahu pasaran bersama disegerakan
 - Singapura tidak berpuas hati cadangan cukai tambahan kepada kerajaan Persekutuan
 - Singapura mahu mengenakan kadar faedah pinjaman
 - RM 150 juta dipinjamkan kerajaan Persekutuan untuk pembangunan Sarawak dan Sabah

- (c)
- Menjejaskan kestabilan politik**
- Singapura membangkitkan sentimen perkauman
 - Boleh menimbulkan ketegangan kaum / rusuhan kaum

Tidak menghormati Perlembagaan Persekutuan

- Kempen Malaysian Malaysia menuntut hak sama rata
- Bertentangan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf kedudukan peribumi dan kepentingan sah kaum lain

Ketiadaan semangat kerjasama

- Mementingkan kadar faedah pinjaman
- Tidak membantu pembangunan Sarawak dan Sabah

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Setem kenangan berikut berkaitan Rancangan Pembangunan 1966-1970 iaitu Rancangan Malaysia Pertama selepas kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam Malaysia.



- (a) Mengapa rancangan tersebut penting kepada negara kita?

[2 markah]

- (b) Senarai berikut berkaitan isu pembangunan dan ekonomi yang menjadi cabaran dalam Rancangan Malaysia pertama.

- Taraf hidup yang berbeza
- Peluang pekerjaan terhad
- Masalah kesihatan dan sosial
- Kebergantungan eksport getah dan bijih timah

Jelaskan usaha-usaha menangani isu tersebut.

[4 markah]

- (c) Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia sejak Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) sehingga Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) membawa kemakmuran kepada negara. Beri ulasan anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Menangani isu pembangunan dan ekonomi negara
 - Mengatasi jurang ekonomi antara kaum / antara negeri / wilayah
 - Meningkatkan taraf hidup rakyat
 - Memakmurkan negara
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) **Kebergantungan eksport getah dan bijih timah**

- Mempelbagaikan kegiatan ekonomi / industri pemprosesan
- Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara
- Seperti kelapa sawit dan koko

Taraf hidup yang berbeza

- Menggerakkan aktiviti perkilangan / pembuatan

Masalah kesihatan dan sosial

- Memperkenalkan program perancang keluarga

Peluang pekerjaan terhad

- Menubuhkan pusat latihan vokasional / teknikal
 - Meluaskan peluang pekerjaan
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) **Kemajuan pertanian**

- Mempelbagaikan pertanian / komoditi
- Merapatkan jurang ekonomi antara negeri / wilayah

Perkembangan perindustrian

- Perindustrian berteknologi tinggi
- Kawasan perindustrian baru
- Kenderaan nasional / buatan Malaysia

Pemodenan sistem pengangkutan

- Jalan raya, kereta api, pengangkutan udara, pelabuhan
- Merancakkan kegiatan ekonomi


Pembangunan pendidikan

- Melahirkan tenaga mahir
- Meningkatkan kualiti hidup

[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei

- 1 Rajah berikut berkaitan cabaran dalaman selepas pembentukan Malaysia 1965.



- (a) Apakah cabaran dalam mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional selepas penubuhan Malaysia?

[4 markah]

- (b) Jelaskan cabaran pembangunan dan sosioekonomi selepas penyertaan Sarawak dan Sabah dalam Malaysia.

[8 markah]

- (c) Kestabilan politik penting bagi sesebuah negara.
Apakah kesan sekiranya politik negara kita tidak stabil?
Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 1 (a) Penduduk pelbagai kaum

- Antaranya-Melayu / Cina / India / Iban/Kadazandusun, Murut, Bajau
- Sukar mengurus masyarakat untuk bersatu

Jarak yang jauh antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah

- Sukar membentuk semangat satu negara

- (b) Mempelbagaikan kegiatan ekonomi

- Rakyat Sarawak dan Sabah mengamalkan pertanian sara diri
- Perlu mempelbagaikan pertanian komersial
- Perlu membuka peluang penduduk menyertai kegiatan ekonomi petroleum

Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan

- Saiz negeri yang besar
- Kebergantungan kepada sistem pengangkutan air

Memajukan sistem pendidikan

- Banyak sekolah vernakular Inggeris dan Cina
- Kurang peluang pendidikan kawasan pedalaman

[Manfaat fakta berkaitan]

- (c) Memperlahankan pembangunan negara

- Pentadbiran tidak licin
- Membantut perancangan dasar kerajaan

Membantutkan kemajuan ekonomi

- Keyakinan pelabur terjejas
- Pemulihan ekonomi tergugat

Kebangkitan rakyat


- Reaksi tidak puas hati rakyat
- Demonstrasi jalanan

Menjejasakan imej negara

- Kritikan antarabangsa
- Menjejasakan kemasukan pelancong luar

[Manfaat jawapan munasabah]

- 2 Rajah berikut berkaitan cabaran ancaman keselamatan selepas pembentukan Malaysia.



- (a) Jelaskan ancaman parti komunis tersebut.

[4 markah]

- (b) Bagaimanakah kerajaan Malaysia berusaha untuk membanteras ancaman tersebut?

[8 markah]

- (c) Langkah mengekang penyebaran ideologi yang bertentangan dengan norma hidup masyarakat Malaysia perlu dipertingkatkan untuk menjamin kestabilan dan kesejahteraan negara.
Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 2 (a) **PKKU menentang gagasan Malaysia**

- Menentang melalui Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS)
- Ingin membentuk Republik Rakyat Sarawak
- Melancarkan penentangan bersenjata terhadap orang awam

Ancaman PKM

- Membunuh anggota pasukan keselamatan
 - Menembak mati Ketua Negara / Ketua Polis Perak
 - Membunuh orang awam
 - Mengebom Tugu Negara
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) **Melaksanakan perang saraf / strategi COIN**

- Memenangi hati dan fikiran rakyat
- Tawaran pengampunan

Melancarkan operasi ketenteraan

- Operasi Hammer / Operasi Jala Raja / Operasi Sri Aman di Sarawak

Mengadakan perjanjian

- Menandatangani memorandum persefahaman di Rumah Sri Aman
 - Perjanjian kerjasama sempadan dengan Thailand
 - Perjanjian Hat Yai
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Ideologi komunis / ekstremisme / IS

- Menganjurkan keganasan / penentangan bersenjata
 - Bertentangan dengan nilai budaya masarakat Malaysia yang bertolak ansur / bersederhana dalam pergaulan
 - Mengancam keharmonian / keamanan
 - Undang-undang yang ketat perlu dilaksanakan
 - Seperti Akta Antikeganasan / SOSMA
 - Risalah / penerbitan tentang ideologi asing mesti diharamkan
 - Boleh mempengaruhi pemikiran ke arah keganasan
 - Seperti menjadi pengebom berani mati
 - Pemimpin yang memimpin pertubuhan yang menganjurkan keganasan perlu ditangkap
- [Mana-mana jawapan munasabah]



Video PdPR

Tingkatan 5

Soalan Topikal Struktur

- 1 Petikan berikut berkaitan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

“Kita mesti menggubal satu identiti bangsa dengan mengambil kira semua kaum dan agama. Saya menegaskan sudah sampai ketikanya bagi kita menentukan identiti atau keperibadian kebangsaan sebagai satu bangsa yang mempunyai maruah dan martabat seperti bangsa-bangsa lain yang merdeka dan berdaulat di dunia ini.”

– Petikan ucapan Tun Abdul Razak dalam perasmian Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971

- (a) Nyatakan prinsip utama untuk membentuk identiti bangsa melalui dasar kebudayaan tersebut.

[2 markah]

- (b) Jelaskan usaha untuk menjayakan dasar kebudayaan tersebut.

[4 markah]

- (c) Sejauh manakah budaya kebangsaan dapat mengukuhkan kedaulatan bangsa dan negara?

Beri ulasan anda.

[4 markah]

- 1 (a) • Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang Dasar Kebudayaan kebangsaan
 • Unsur budaya lain yang sesuai diterima sebagai elemen penting
 • Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- (b) **Membentuk agensi pelaksana**

- Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan / Majlis Kebudayaan Negeri / Istana Budaya / Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

Program Citrawarna Malaysia


- Melibatkan pelbagai kaum dan budaya
- Promosi pelancongan
- Melahirkan penggiat budaya
- Menggalakkan penghasilan karya seni tempatan
- Memartabatkan khazanah negara

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Membentuk jati diri / keperibadian bangsa / identiti kebangsaan
 • Menghargai warisan budaya bangsa
 • Menghormati pelbagai budaya kaum lain
 • Membentuk perpaduan melalui kebudayaan
 • Mengimbangi kepentingan kerohanian dengan pembangunan fizikal / sosioekonomi
 • Menaikkan imej negara melalui keunikan pelbagai budaya

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Logo berikut berkaitan sambutan 50 tahun Rukun Negara diperkenalkan.



- (a) Mengapakah prinsip “Kepercayaan kepada Tuhan” diberi keutamaan dalam rukun tersebut?

[2 markah]

- (b) Jelaskan matlamat pembentukan Rukun Negara.

[4 markah]

- (c) Pengamalan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian, mampu menjadikan anda sebagai warganegara patriotik. Beri ulasan anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Agama penting sebagai panduan hidup
 - Membentuk keperibadian
 - Membina masyarakat harmoni
 - Menghormati / Bertoleransi dalam aspek keagamaan
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b)
- Melahirkan sebuah negara yang rakyatnya bersatu, aman sejahtera
 - Masyarakat demokratik
 - Masyarakat liberal
 - Masyarakat progresif
 - Masyarakat adil
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Bertolak ansur dalam masyarakat**
- Hormat-menghormati antara kaum
 - Hidup harmoni
- Menjadi warganegara berdisiplin**
- Mematuhi undang-undang
 - Keamanan dalam negara
- Menjadi warganegara taat setia**
- Menghormati pemerintah / pemimpin
 - Menyokong dasar kerajaan
 - Bersedia mempertahankan negara
- Menjadi warganegara berakhhlak**
- Menghindari gejala sosial
 - Kesejahteraan hidup masyarakat
- [Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei

1 Jadual berikut berkaitan mengenai usaha mengukuhkan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Tahun	Nama Jawatankuasa	Tujuan / Fungsi
1960	Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (Laporan Rahman Talib)	<ul style="list-style-type: none"> Menyemak semula Dasar Pendidikan Kebangsaan Mengukuhkan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Penyata Razak)
1974	Jawatankuasa Kabinet	Mengkaji semula pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan

(a) Apakah teras sistem pendidikan kebangsaan yang dikekalkan dalam Laporan Rahman Talib untuk memupuk perpaduan dan intergrasi?

[4 markah]

(b) Jelaskan hasil Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974 untuk mengukuhkan perpaduan dalam sistem pendidikan kebangsaan.

[8 markah]

(c) Pernyataan berikut berkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Sejauh manakah pendidikan pada hari ini berjaya memenuhi hasrat falsafah tersebut?

Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 1 (a)
 - Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
 - Kurikulum sama bagi semua jenis sekolah
 - Berorientasikan negara kita
 - Mewujudkan perasaan cinta akan negara

(b) **Kurikulum Baru Sekolah Rendah /KBSR**

- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Perkembangan diri individu

Kurikulum Baru Sekolah Menengah / KBSM

- Melahirkan generasi berilmu
- Generasi berkemahiran
- Generasi bersatu padu

Falsafah Pendidikan Negara / Kebangsaan

- Pendidikan menyeluruh
- Membentuk insan seimbang
- Dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) **Pendidikan pelbagai aliran**

- Mata pelajaran teras
- Mata pelajaran elektif
- Mata pelajaran wajib lulus
- Kegiatan kokurikulum

Pentaksiran menyeluruh

- Peperiksaan awam
- Pentaksiran Berasaskan Sekolah
- Akademik, kokurikulum dan PAJSK
- Pertambahan pelajar ke universiti
- Melahirkan tenaga kerja mahir / profesional

[Mana-mana jawapan munasabah]

2 Perpaduan dan intergrasi nasional merupakan dua konsep yang saling berkait rapat untuk proses pembinaan negara Malaysia. Usaha memperkasakan perpaduan dan intergrasi nasional dilaksanakan secara konsisten sejak merdeka hingga ke hari ini merangkumi bidang politik, ekonomi dan sosial.

(a) Apakah maksud perpaduan dan intergrasi nasional?

[4 markah]

(b) Jelaskan usaha memperkasakan perpaduan dan intergrasi nasional bagi mengukuhkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

[8 markah]

(c) Dasar Sukan Negara 2009 mengariskan dasar pembangunan sukan ke arah pembentukan budaya sukan dan pemantapan intergrasi nasional menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh dan pencapaian cemerlang di peringkat antarabangsa
Sejauh manakah keberkesanannya sukan sebagai alat perpaduan?
Beri ulasan anda.

[8 markah]

2 (a) **Perpaduan**

- Rakyat daripada pelbagai etnik, agama dan wilayah hidup dengan aman dalam masyarakat yang bersatu

Integrasi nasional

- Proses merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah
- Membentuk identiti bangsa

(b) **Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara**

- Merangka satu ideologi untuk negara / Rukun Negara

Membentuk Majlis Muhibah Negara

- Menggalakkan perasaan muhibah antara masyarakat berbilang kaum

Menubuhkan Majlis Perundingan Negara

- Mengadakan garis panduan kerjasama antara kaum
- Integrasi nasional antara negeri dengan wilayah

Membentuk gabungan parti politik pelbagai kaum

- Mewujudkan kestabilan politik selepas peristiwa 13 Mei 1969
- Menyelaraskan perkhidmatan awam antara semua negeri

Meneruskan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia

- Memperkenalkan dasar pembangunan ekonomi
- Seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
- Memberikan tumpuan kepada pembangunan masyarakat luar bandar dan wilayah
- Mengintegrasikan ekonomi melalui pembangunan ekonomi wilayah termasuk di Sarawak dan Sabah
- Membuka peluang kepada semua kaum bersaing dalam ekonomi secara adil

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) • Aktiviti koko murid sekolah

- 1 murid 1 sukan / RIMUP
- Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
- Sukan Malaysia (SUKMA)
- Membentuk perpaduan dan intergrasi nasional pada semua peringkat
- Penganjuran sukan antarabangsa
- Rakyat Malaysia berbilang kaum menjadi sukarelawan
- Bersatu menjayakan kejohanan demi menaikkan imej negara
- Slogan "Malaysia Boleh" menyatakan rakyat Malaysia

[Mana-mana jawapan munasabah]




Video PdPR

Tingkatan 5

Soalan Topikal Struktur

- 1 Rajah berikut berkaitan Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama dalam dasar pembangunan ekonomi iaitu Dasar Ekonomi Baru (1971-1990).



- (a) Berdasarkan strategi tersebut, apakah matlamat Dasar Ekonomi Baru?

[2 markah]

- (b) Jelaskan pelaksanaan strategi tersebut dalam Dasar Ekonomi Baru.

[4 markah]

- (c) Pertumbuhan ekonomi yang seimbang dalam pelbagai aspek penting untuk mewujudkan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Beri ulasan anda.

[4 markah]

- 1 (a)
- Perpaduan negara
 - Kesejahteraan kaum
 - Keseimbangan sosioekonomi antara kaum / kawasan / wilayah


- (b)
- Meningkatkan taraf hidup rakyat
 - Rancangan Buku Hijau
 - Menubuhkan agensi kerajaan
 - LKIM / LPN / LPP / RISDA
 - Pembukaan tanah baru
 - FELDA / SALCRA
 - Program pembangunan wilayah
 - KEJORA / KETENGAH / DARA
 - Penubuhan UDA
 - Pemilikan saham
 - PNB / ASB / ASB
 - Pengenalan industri kecil
 - Pendidikan tenaga kerja mahir

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Ekonomi seimbang antara kaum
 - Setiap kaum dapat menikmati ekonomi secara adil
 - Mewujudkan perpaduan / keharmonian rakyat
 - Pembangunan seimbang antara koridor wilayah
 - Mengelakkan penghijrahan belia ke bandar
 - Pembangunan potensi/ sumber ekonomi sedia ada
 - Mewujudkan peluang pekerjaan / ekonomi

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Rajah berikut berkaitan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).



- (a) Namakan golongan masyarakat baharu yang membentuk golongan pertengahan kesan dasar ekonomi tersebut.

[2 markah]

- (b) Apakah sumbangan golongan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera terhadap peningkatan taraf hidup rakyat?

[2 markah]

- (c) Bagaimanakah pemodenan sistem pengangkutan dan perhubungan dapat memacu pembangunan ekonomi dan mensejahterakan hidup rakyat?

[3 markah]

- (d) Pembangunan pendidikan dapat menjayakan matlamat DEB dan DPN.

Beri ulasan anda.

[3 markah]

- 2 (a)
- Profesional
 - Pemodal
 - Teknikal
 - Pentadbiran
 - Pengurusan
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (b)
- Membentuk kelas bumiputera komersil
 - Menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor korporat
 - Contoh bidang perbankan, saham, syarikat, pelabuhan, harta tanah
 - Melahirkan usahawan muda
 - Meningkatkan pemilikan saham
 - Meningkatkan pemilikan harta tanah
 - Meningkatkan taraf hidup
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Pelaburan pihak kerajaan dan swasta dalam bidang pengangkutan
 - Memenuhi keperluan perindustrian dan perdagangan
 - Seperti jaringan jalan raya, kereta api laju, pengangkutan udara dan pelabuhan
 - Merancakkan aktiviti ekonomi
 - Memajukan kawasan pedalaman
 - Memudahkan proses intergrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (d)
- Melahirkan tenaga mahir berpendidikan
 - Melahirkan graduan bidang sains, teknologi dan teknikal
 - Memenuhi keperluan perindustrian
 - Melahirkan masyarakat k-ekonomi
 - Memperbaiki taraf kualiti hidup
 - Dapat membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang dalam masyarakat
- [Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei



1 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang dirangka untuk tempoh 10 tahun (1991-2000) merupakan kesinambungan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Matlamat DPN dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) dan Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000).

(a) Apakah matlamat Dasar Pembangunan Nasional?

[4 markah]

(b) Jelaskan strategi menjayakan Dasar Pembangunan Nasional.

[8 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (2021 – 2030).

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 beriltizam menjadikan Malaysia sebuah negara terus membangun secara mapan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif untuk semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan dengan matlamat menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat pada 2030.

Pada pandangan anda, apakah cabaran untuk mencapai matlamat wawasan tersebut?

[8 markah]

- 1 (a)
- Mencapai perpaduan
 - Melalui pengagihan kekayaan
 - Pembangunan seimbang
 - Antara bandar dengan luar bandar
 - Melalui Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh
 - Negara maju berdasarkan Wawasan 2020

[Mana-mana fakta berkaitan]

(b) **Pembangunan ekonomi**

- Penglibatan aktif pihak swasta
- Program penanaman semula
- Penggunaan sains dan teknologi
- Meningkatkan pemilikan saham bumiputera

Pembangunan sosial

- Memajukan pendidikan masyarakat miskin
- Mewujudkan masyarakat perdagangan / perindustrian bumiputera
- Membentuk masyarakat berdisiplin dan progresif

Pembangunan fizikal dan alam sekitar

- Menambahbaik kemudahan asas
- Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) **Merapatkan jurang pembangunan**

- Antara kaum/negeri/wilayah
- Jurang kekayaan/pendapatan
- Kemiskinan khususnya masyarakat luar bandar

Menambah masyarakat perdagangan / perindustrian bumiputera

- Pemilikan saham rendah dalam kalangan bumiputera

Menggalakkan penggunaan teknologi

- Kekurangan tenaga mahir
- Teknologi rendah dalam industri pembuatan

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Gambar berikut berkaitan pencapaian pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dari aspek ekonomi.



- (a) Perihalkan kemajuan industri kereta nasional.

[4 markah]

- (b) Jelaskan kewujudan kawasan perindustrian baharu kesan pelaksanaan DEB dan DPN.

[8 markah]

- (c) Bagaimakah cara untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelabur bagi perindustrian berteknologi tinggi? Beri pendapat anda.

[8 markah]

- 2 (a) Dipelopori Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) dan Perusahaan Otomobil Kedua (PERODUA)
- Kereta nasional pertama Proton Saga dilancarkan pada tahun 1985
 - Kereta keluaran PROTON-Wira/Waja/Putra/Perdana/Inokom Permas/Satria/Tiara/Iswara
 - Kereta keluaran PERODUA-Kancil/Rusa/Kenari/Kembara
 - Membuka peluang pekerjaan
 - Meningkatkan taraf hidup
- [Mana-mana fakta berkaitan]*

- (b) Wujud pelbagai bentuk kawasan perindustrian

- Berdekatan dengan sumber bahan mentah/ infrastruktur dan bekalan buruh mencukupi

Estet perindustrian

- Sebagai bandar terancang
- Mengandungi kawasan perumahan, pusat perniagaan / perindustrian dan pusat rekreasi

Zon perindustrian bebas

- Kawasan perdagangan diberi pelepasan cukai atau tarif
- Menarik pengusaha melabur / merangsang ekonomi kawasan sekitar

Taman teknologi industri

- Pusat penyelidikan dan pembangunan industri
 - Menjalankan penyelidikan dan inovasi
 - Bagi membangunkan teknologi perindustrian
 - Di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
- [Mana-mana fakta berkaitan]*

- (c) Menambah pelaburan dalam teknologi tinggi

- Meningkatkan kemudahan / infrastruktur moden
- Memodenkan sistem perhubungan / pengangkutan
- Meningkatkan kemajuan ICT

Menambah tenaga kerja mahir

- Melakukan perubahan kurikulum sekolah / IPT
- Melahirkan modal insan untuk memenuhi keperluan teknologi / industri

[Mana-mana jawapan munasabah]



Video PdPR

Tingkatan 5

Soalan Topikal Struktur

1 Semasa mesyuarat tertinggi perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi meraikan ulang tahun ke-75 PBB pada Oktober 2020, Malaysia memperbaharui komitmennya untuk terus bekerjasama dengan PBB dan semua negara anggota, berdasarkan prinsip saling menghormati dan berdasarkan undang-undang antarabangsa seperti yang termaktub dalam Piagam PBB.

(a) Nyatakan **dua** komitmen Malaysia dalam pertubuhan tersebut.

[2 markah]

(b) Bagaimanakah Malaysia membantu PBB menyelesaikan konflik antarabangsa?

[4 markah]

(c) Anda merupakan sebahagian daripada generasi muda warga dunia yang cintakan keamananan dan kesejahteraan.

Jelaskan harapan anda kepada pemimpin dunia supaya keamanan dan kesejahteraan dunia berkekalan sejarah dengan pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa iaitu ‘hidup bersama secara aman’.

[4 markah]

- 1 (a)
- Mendukung Piagam PBB
 - Terlibat dengan agensi --di bawah PBB
 - Memberi sumbangan untuk misi pengaman
 - Membenarkan rakyat Malaysia terlibat dengan agensi
- [Mana-mana fakta berkaitan]

(b) **Membuka pejabat United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) di Kuala Lumpur**

- Melindungi golongan pelarian / tidak bernegara
- Menyertai Majlis Keselamatan**
- Anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan / 1965, 1989, 1990, 1999-2000, 2015-2016
- Mengelakkan keamanan dan keselamatan antarabangsa

Menyajakan misi pengaman

- Congo / Bosnia-Herzegovina / Namibia / Somalia / Kemboja
- Memastikan keselamatan penduduk
- Mengawasi genjatan senjata
- Mendaulatkan undang-undang

Menyertai misi pegawai pemerhati

- Sierra Leone / Chad-Libya / Iraq / Timur Leste
 - Membantu pengurusan pentadbiran
 - Memberi latihan teknikal
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Menyelesaikan masalah melalui perundingan
 - Menghormati / mengikuti resolusi Majlis Keselamatan
 - Menghormati kedaulatan undang-undang sesebuah negara

- Tidak campur tangan dalam hal ewhal dalaman negara lain
- Menggunakan saluran perundingan yang sah
- Membawa kes ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)
- Menamatkan konflik

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Pernyataan berikut berkaitan pendirian Malaysia sempena sambutan Hari Komanwel pada tahun 2019 dengan tema ‘A Connected Commonwealth’ yang memaparkan nilai dan kerjasama perkongsian pelbagai budaya bangsa serta persahabatan di antara negara ahli Komanwel.

Bagi Malaysia, ‘A Connected Commonwealth’ membuka ruang untuk negara ahli Komanwel untuk maju bersama meskipun dalam kepelbagaian, berteraskan nilai dan prinsip Piagam Komanwel.

- (a) Apa yang anda faham tentang Komanwel?

[2 markah]

- (b) Jelaskan manfaat yang diperoleh Malaysia melalui penyertaan dalam Komanwel.

[4 markah]

- (c) Penglibatan dalam program Komanwel telah menonjolkan kewibawaan dan mengangkat imej negara kita di mata dunia. Beri ulasan anda.

[4 markah]

- 2 (a)
- Badan yang dianggotai oleh bekas tanah jajahan / naungan British yang merdeka
 - Membina semangat setiaikawan negara anggota
 - Mewujudkan kerjasama dalam semua bidang

(b) **Rancangan Colombo**

- Memperoleh bantuan ekonomi dan sosial
- Menangani masalah kemiskinan
- Mendapat khidmat nasihat berkaitan bidang pendidikan, pertanian, teknikal dan kesihatan

Kerjasama pertahanan

- Mengukuhkan pertahanan negara
- Seperti perjanjian pertahanan Britain dan Tanah Melayu 1957

Kerjasama ekonomi

- Memudahkan eksport komoditi ke negara Komanwel
 - Kadar cukai eksport yang rendah
 - Memperoleh pelbagai kemudahan
 - Seperti kemudahan kredit / bantuan dana Komanwel
 - Menerima pelaburan daripada negara Komanwel
- Info: Membangunkan ekonomi negara

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) **Negara dihormati bersuara lantang memperjuangkan isu hak asasi manusia**

- Menentang dasar Aparteid
- Sehingga Afrika Selatan menarik diri dari Komanwel

Dipilih menjadi tuan rumah bagi program Komenwel

- Tuan rumah Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel (CHOGM) 1989
- Tuan rumah Sukan Komanwel 1998
- Mengeratkan hubungan antara negara anggota
- Mendapat pengiktiran kejayaan mengurus dengan baik

[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei



1 Rajah berikut berkaitan perkembangan dasar luar selepas negara kita mencapai kemerdekaan.

Tahap	Dasar Luar
Awal kemerdekaan (Pentadbiran Tunku Abdul Rahman)	Probarat dan antikomunis
Selepas tahun 1970-an (Bermula pentadbiran Tun Abdul Razak bin Hussein)	Bersikap tidak memihak dan menjalin hubungan dengan negara lain tanpa mengira ideologi

(a) Apakah matlamat dasar luar negara kita selepas mencapai kemerdekaan?

[4 markah]

(b) Sejauh manakah faktor berikut mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia?

- Ikatan sejarah
- Keperluan nasional
- Kepimpinan negara

[8 markah]

(c) Perkembangan di peringkat antarabangsa dalam politik, ekonomi dan sosial menjadi cabaran dalam mengukuhkan hubungan luar negara kita sejak tahun 1970-an.

Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 1 (a)
- Mempertahankan kemerdekaan / kedaulatan
 - Melindungi kepentingan nasional
 - Memupuk hubungan baik dengan negara luar
 - Menghadapi perkembangan cabaran politik / ekonomi / sosial
- [Mana-mana fakta berkaitan]

(b) **Ikatan sejarah**

- Hubungan rapat berkaitan ikatan budaya dengan negara serantau
- Hubungan berdasarkan ikatan keagamaan
- Hubungan berkaitan sejarah penjajahan British

Keperluan nasional

- Menjaga kedaulatan negara
- Berdasarkan kedudukan strategik serantau
- Menjaga kebaikan rakyat di negara luar
- Memenuhi kepentingan ekonomi
- Memastikan keamanan negara
- Berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi

Kepimpinan negara

- Kepekaan terhadap perkembangan luar

[Mana-mana fakta berkaitan]

(c) **Cabar politik antarabangsa**

- Menjalinkan hubungan dengan banyak negara tanpa mengira ideologi

Cabar politik serantau

- Peluasan pengaruh komunis di Vietnam
- Kebanjiran pendatang Vietnam ke negara Asia Tenggara

Cabar keselamatan

- Penamatan perjanjian pertahanan Malaysia dan Britain (AMDA)
- Kerjasama ASEAN dalam pertahanan serantau
- Perjanjian sempadan dengan Thailand

Cabar pembangunan ekonomi

- Dominasi negara maju
- Terhadap harga komoditi

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Logo berikut berkaitan pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia.



Pergerakan Negera-Negara Tanpa Pihak (NAM)



Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

- (a) Mengapa Malaysia menyertai pertubuhan-pertubuhan tersebut?

[4 markah]

- (b) Jelaskan peranan Malaysia dalam pertubuhan berikut:

(i) NAM

[4 markah]

(ii) OIC

[4 markah]

- (c) Penglibatan Malaysia dalam pertubuhan pertubuhan tersebut telah mengangkat imej negara kita di mata dunia. Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 2 (a) • Malaysia mengamalkan dasar berkecuali / terbuka
• Menjalinkan hubungan dengan pelbagai pihak tanpa sebarang sekatan
• Berasaskan prinsip neutral, aman dan bebas
• Memperjuangkan kepentingan umat Islam dalam segenap bidang di seluruh dunia
• Menyuarkan pelbagai pandangan berkaitan kepentingan Islam
[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) **Peranan dalam NAM**

- Menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM 2003
- Menjadi Pengerusi NAM
- Memperjuangkan pelbagai isu seperti Dasar Apartheid, isu Palestin dan Bosnia dan Herzegovin
- Melaksanakan dasar aman dan berkecuali
- Menandatangani Perisytiharan Lusaka 1970 sebagai iltizam mendesak pengharaman senjata nuklear

Peranan dalam OIC

- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Setiausaha Agung Pertama OIC
- Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Pengerusi OIC 2003
- Mengetengahkan nilai kesederhanaan / menolak keganasan
- Membangkitkan pelbagai isu berkaitan dengan masyarakat Islam

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) • Kelantangan menyuarakan pelbagai isu menaikkan nama negara

- Sebagai jurucakap bagi negara berkecuali dan OIC yang mempromosikan keamanan dunia
- Sebagai tuan rumah sidang kemuncak NAM / OIC membuktikan kemampuan Malaysia mengendalikan perundingan bertaraf dunia
- Pemilihan pemimpin negara sebagai Pengerusi / Setiausaha pertubuhan OIC / NAM bukti pengiktirafan kepada kewibawaan pemimpin negara
- Pendekatan sederhana dan menolak keganasan dalam menangani konflik dunia disenangi / dihargai oleh dunia

[Mana-mana jawapan munasabah]



Video PdPR

Tingkatan 5

Soalan Topikal Struktur

- 1 Logo berikut berkaitan sumbangan Malaysia dalam mengekalkan kelestarian global.



Anugerah Langkawi



Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan

- (a) Mengapakah Anugerah Langkawi diwujudkan mulai tahun 1991?

[2 markah]

- (b) Jelaskan sumbangan Malaysia berkaitan isu Antartika.

[4 markah]

- (c) Isu pencemaran alam sekitar mencetuskan Sidang Kemuncak Bumi anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992. Penyertaan Malaysia dalam sidang tersebut membuktikan kesungguhan dalam pemuliharaan alam sekitar.

Bagaimanakah anda boleh berperanan untuk membuktikan kesungguhan negara kita dalam sidang tersebut?

[4 markah]

- 1 (a)
- Sumbangan kepada komitmen memelihara alam sekitar
 - Mengekalkan kelestarian global Hasil Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM)


- (b)
- Mendesak PBB menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat
 - Mencadangkan PBB mentadbir Antartika
 - Hasil Antartika dikongsi bersama semua negara
 - Membentuk pasukan penyelidik
 - Melakukan penyelidikan di Antartika
 - Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan
- [Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Tidak merosakkan / mencemar kawasan taman rekreasi / hutan simpan
 - Memulihara alam sekitar di persekitaran tempat tinggal / sekolah
 - Mewujudkan konsep sekolah dalam taman
 - Bercucuk tanam di sekeliling rumah / sekolah
 - Menyertai kempen Cintai Sungai Kita
 - Mengamalkan kitar semula
- [Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Perjanjian dan kerjasama berikut berkaitan penglibatan Malaysia dalam hubungan ekonomi serantau dan antarabangsa.



Asia Pacific Trade Agreement – AFTA
(Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN)



Asia-Pasific Economic Cooperation –
APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasific)

- (a) Mengapakah Malaysia menyertai perjanjian dan kerjasama ekonomi tersebut?

[2 markah]

- (b) Sejauh manakah penyertaan Malaysia dalam perjanjian dan kerjasama tersebut membantu perkembangan ekonomi negara.
Beri penjelasan anda.

[4 markah]

- (c) Jadual berikut berkaitan kerjasama ekonomi melalui pembangunan segi tiga iaitu pembangunan wilayah baru bersama negara di ASEAN.

IMT - GT	Indonesia – Malaysia – Thailand Growth Triangle
SIJORI - GT	Singapura – Johor – Riau Growth Triangle
BIMP - EAGA	Brunei – Indonesia – Malaysia – Philippines – East ASEAN Growth Area

Wajarkah Malaysia menyertai kerjasama pembangunan tersebut?
Beri ulasan anda.

[4 markah]

- 2 (a) • Meningkatkan / Memudahkan urusan perdagangan sesama anggota ASEAN
• Menyuarkan ketidakadilan dalam ekonomi
• Menentang dominasi ekonomi negara maju
• Mengukuhkan kedudukan ekonomi negara
[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b) Meluaskan pasaran ekonomi

- Meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN
- Bersaing secara kompetitif memasarkan hasil keluaran negara
- Bayaran tarif dan cukai yang rendah
- Meningkatkan perkembangan ekonomi negara

Menangani dominasi negara maju

- Menuntut kelonggaran sekatan / halangan perdagangan
 - Seperti kempen antiminyak sawit Malaysia
 - Menuntut layanan lebih adil dalam perdagangan
- [Mana-mana fakta berkaitan]*

- (c) • Wajar kerana memajukan wilayah pembangunan baru


- Memperoleh keuntungan bersama antara negara jiran terlibat
- Mengurangkan monopoli pasaran barang dalam ASEAN daripada negara maju
- Dapat mengurangkan kebergantungan pada pasaran antarabangsa
- Dapat membuka pelbagai badan berkaitan pasaran ASEAN
- Seperti Bank ASEAN, Koperasi ASEAN

Info: Membendung campur tangan negara maju dalam ekonomi ASEAN

[Mana-mana jawapan munasabah]

Soalan Topikal Esei

1 Rajah berikut berkaitan isu global kontemporari yang dihadapi oleh Malaysia.



(a) Mengapakah isu tersebut boleh mempengaruhi perkembangan negara kita?

[4 markah]

(b) Bagaimanakah Malaysia menangani isu tersebut?

[8 markah]

(c) Kebijaksanaan Malaysia menangani isu global kontemporari menaikkan imej negara di mata dunia.
Beri ulasan anda.

[8 markah]

- 1 (a)
- Dadah merosakkan masyarakat / musuh nombor satu negara
 - Negara mengisytiharkan perang terhadap penyalahgunaan dadah
 - Tuntutan bertindih menjelaskan hubungan dengan negara luar
 - Penyakit AIDS mengakibatkan kematian ribuan rakyat Malaysia
 - Pemerdagangan orang merupakan ancaman kepada hak asasi

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b)
- Menyuarkan dalam forum antarabangsa
 - Mendapatkan kerjasama pihak antarabangsa
 - Polis Antarabangsa / INTERPOL
 - Melalui perundingan
 - Membawa kes ke Mahkamah Antarabangsa / (ICJ)
 - Membangkitkan isu pulau Spratly dalam forum ASEAN-China
 - Menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran / MAPO
 - Melaksanakan Pelan Strategik Kebangsaan Mengakhiri AIDS / NSPEA

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c) Pendekatan berhemah / berdiplomasi


- Menyelesaikan isu tanpa kekerasan
- Mengelakkan krisis politik / konflik dengan negara lain
- Sikap keterbukaan menangani isu antarabangsa
- Kematangan membentuk dasar luar yang dinamik
- Menyelesaikan tuntutan sempadan bertindih melalui Mahkamah Antarabangsa

Kepimpinan berwibawa

- Tun Mahathir dilantik sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa
- WHO memperakui kejayaan Malaysia dalam mengurangkan penularan wabak AIDS
- Tokoh Malaysia dilantik mengetuai agensi PBB
- Malaysia dipilih sebanyak empat kali menduduki Kerusi Majlis Keselamatan PBB

[Mana-mana jawapan munasabah]

- 2 Rajah berikut berkaitan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa.



- (a) Mengapakah Malaysia menentang dominasi negara maju dalam ekonomi?

[4 markah]

- (b) Sejauh manakah kejayaan Malaysia menangani kemelesetan ekonomi pada tahun 1997-1998 membawa kemakmuran kepada negara?

[8 markah]

- (c) Malaysia berjaya membangunkan sistem kewangan Islam yang progresif dan konfrehensif dalam usaha mengantarabangsakan sistem tersebut.

Beri penjelasan anda.

[8 markah]

- 2 (a)
- Malaysia perlukan pasaran antarabangsa
 - Untuk mengembangkan ekonomi
 - Sekatan perdagangan oleh negara maju
 - Memberi layanan tidak adil
 - Seperti bayaran tarif dan cukai tinggi
 - Menjejaskan perdagangan negara / menggugat ekonomi negara

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (b)
- Kemelesetan ekonomi berpuncu daripada kegiatan spekulasi mata wang
 - Menyebabkan nilai mata wang ringgit (RM) jatuh
 - Malaysia menggunakan pendekatan menambat kadar kadar mata wang
 - Menetapkan satu kadar mata wang pada jumlah tertentu dan diperniagakan dengan kadar tersebut
 - Malaysia menambat tukaran ringgit (RM) kepada dolar (USD)
 - Dengan kadar RM 3.80 bagi USD1
 - Berjaya menyekat nilai mata wang dari terus jatuh
 - Berjaya menstabilkan mata wang ringgit
 - Sekali gus menarik semula pelaburan asing
 - Memulihkan semula ekonomi

[Mana-mana fakta berkaitan]

- (c)
- Malaysia menubuhkan institusi perbankan Islam
 - contoh Bank Islam / Tabung Haji
 - Perbankan bebas unsur riba
 - Dipantau Jawatankuasa Syariah /
 - Guna pakai sistem ekonomi Islam
 - Tawaran produk patuh syariah
 - Muamalat / mudharabah / al-wadiah
 - Pinjaman kenderaan / sewa beli /perumahan
 - Kesannya Malaysia menjadi rujukan dunia
 - Malaysia menubuhkan International Centre for Education in Islamic Finance – (INCEIF)


[Mana-mana jawapan munasabah]

Kertas Model SPM 1

Kertas 1

Arahān: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.

- 1 Kesultanan Melayu Melaka mewarisi ciri-ciri negara bangsa daripada
A Kerajaan Srivijaya.
B Kerajaan Majapahit.
C Kerajaan Johor Riau.
D Kerajaan Kedah Tua.
- 2 Rajah berikut berkaitan dengan Hukum Kanun Melaka.



- Apakah kepentingannya?
- A Undang-undang keluarga
 - B Undang-undang di pelabuhan
 - C Hukuman terhadap penjenayah
 - D Melicinkan pentadbiran kerajaan
- 3 Pernyataan berikut merujuk pendapat seorang tokoh berkaitan nasionalisme.

Dalam konteks Melayu sebelum merdeka, nasionalisme digunakan untuk merujuk kepada perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri.

- Siapakah tokoh tersebut?
- A Hans Kohn
 - B Dr. R. Suntharalingam
 - C Profesor William R. Roff
 - D Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim
- 4 Apakah isu yang digunakan oleh Persatuan Belia Buddha untuk mengekalkan tradisi Burma (Myanmar)?
- | | |
|-------------|-----------------|
| A Isu baju | C Isu kesihatan |
| B Isu kasut | D Isu kebajikan |

- 5 Mengapa Austria-Hungary mengisytiharkan perang terhadap Serbia?
A Menceroboh wilayah kekuasaan Austria
B Merancang pembunuhan bakal raja Austria
C Menghasut rakyat Austria berketurunan Serb
D Memberi bantuan kewangan dan senjata kepada Serb

- 6 Maklumat berikut merujuk slogan yang menjadi propaganda Jepun dalam menjayakan dasar perluasan kuasanya.

- Semangat Asia
- Asia untuk Asia

Apakah tujuan slogan tersebut?

- A Mencerminkan imej Jepun pencetus
- B Mencetuskan semangat membenci penjajah
- C Menjadi tentera Jepun menentang kuasa Barat
- D Menggalakkan penduduk tempatan memberontak

- 7 Apakah matlamat British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu?
- A Mendapatkan sokongan penduduk tempatan
 - B Menyekat pengaruh dan campur tangan luar
 - C Mengurangkan kemasukan orang dagang
 - D Menghapuskan negara dan bangsa Melayu
- 8 Maklumat berikut merujuk keadaan yang berlaku di Sarawak.

- Masalah kewangan
- Masalah pewarisan takhta

Apakah kesan daripada keadaan tersebut?

- | | |
|---|--|
| I Muncul gerakan antipenyerahan di Sarawak | II Menamatkan penguasaan Brooke di Sarawak |
| III Penguasaan Sarawak oleh tentera British | IV Penguasaan Sarawak oleh tentera Jepun |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |


- 9 Apakah yang diperjuangkan oleh golongan nasionalis Melayu radikal?
- Kemerdekaan Tanah Melayu
 - Kedaulatan Raja-raja Melayu
 - Hak semua kaum dalam negara
 - Kedudukan istimewa orang Melayu
- 10 Kerajaan British menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) pada tahun 1948. Apakah kepentingan penubuhannya?
- Menghapuskan ancaman komunis
 - Melahirkan kebudayaan kebangsaan
 - Merapatkan jurang ekonomi antara kaum
 - Merintis jalan kepada kemerdekaan Tanah Melayu
- 11 Gerakan Komunis Antarabangsa telah menganjurkan dua persidangan di Culcutta, India pada tahun 1948.
- Apakah yang berlaku kesan persidangan tersebut?
- PKM melancarkan pemberontakan bersenjata
 - PKM berusaha mendapatkan sokongan orang India
 - PKM menjalankan dasar bekerjasama dengan British
 - PKM menjadi sebuah parti politik yang sah di Tanah Melayu
- 12 Maklumat berikut merujuk pasukan keselamatan yang ditubuhkan pada zaman darurat.
- Merupakan pasukan Pengawal Kampung
 - Bertanggungjawab menyekat pergerakan bekalan makanan, maklumat dan ubat-ubatan daripada jatuh ke tangan PKM
- Apakah pasukan yang dimaksudkan?
- Home Guard
 - Auxiliary Police
 - Sarawak Rangers
 - Special Constables
- 13 Gambar berikut merujuk salah seorang tokoh Sistem Ahli.
- 
- 14 Apakah portfolio yang dipegang oleh beliau?
- Ahli Pelajaran
 - Ahli Kesihatan
 - Ahli Hasil Bumi
 - Ahli Pengangkutan
- 15 Maklumat berikut merujuk jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan mengkaji sistem pendidikan di Tanah Melayu.
- Laporan Barnes 1951
- Apakah cadangan yang dikemukakan dalam laporan tersebut?
- Mewajibkan pendidikan sekolah rendah
 - Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sekolah menengah
 - Sekolah Cina dikekalkan dalam sistem pendidikan
 - Mewujudkan sekolah menengah berbilang kaum
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 16 Siapakah yang mengisyiharkan Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955?
- Sir Gerald Templer
 - Sir William McKell
 - Sir Malcom MacDonald
 - Sir Donald MacGillivray
- 17 Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu yang dibentuk setelah memenangi Pilihan Raya Umum 1955?
- Mengurangkan kuasa pentadbiran British di Tanah Melayu
 - Meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi diteruskan
 - Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan kebijakan rakyat
 - Membatalkan sistem diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan
- 18 Tokoh berikut telah memberi sumbangan penting dalam sejarah perkembangan politik negara.
- Lord Reid
 - Tuan B. Malik
 - Sir Ivor Jennings
- Apakah sumbangan mereka?
- Menjadi ahli dalam Sistem Ahli
 - Mencapai kerjasama politik pelbagai kaum
 - Menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu
 - Merangka perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu

- 18** Apakah perkara-perkara penting yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu?
- Persekutuan Tanah Melayu mengamalkan pemerintahan autokratik
 - Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain dipelihara
 - Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan
 - Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi Persekutuan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 19** Maklumat berikut merujuk lambang negara kita.
- Lagu ‘Terang Bulan’ merupakan lagu yang telah digubal semula menjadi Lagu Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.
- Dari negeri manakah asalnya lagu tersebut?
- A Johor
B Perak
C Kelantan
D Terengganu
- 20** Kerajaan merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk menguruskan dan mentadbir negara.
- Apakah komponen utama kerajaan?
- A Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Berkanun
B Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman
C Badan Eksekutif, Badan Kehakiman dan Badan Berkanun
D Badan Perundangan, Badan Kehakiman dan Suruhanjaya Pilihan Raya
- 21** Jadual berikut berkaitan takrif kedaulatan dalam pelbagai bahasa.
- | Bahasa | Takrif Kedaulatan |
|-----------------|---------------------|
| Bahasa Yunani | <i>Superanus</i> |
| Bahasa Inggeris | <i>Sovereignty</i> |
| Bahasa Arab | Daulah |
| Bahasa Melayu | Kekuasaan tertinggi |
- Apakah unsur persamaan berdasarkan takrif tersebut?
- A Kekayaan hasil bumi
B Kekuatan ketenteraan
C Kewibawaan pemerintahan
D Keluasan wilayah pengaruh
- 22** Rajah berikut berkaitan ciri negara berdaulat.
- ```

graph TD
 A[Pemerintahan berwibawa] --- B[Ciri Negara Berdaulat]
 C[Rakyat setia] --- B
 D[Sistem perundangan adil] --- B
 E[X] --- B

```
- Apakah X?
- A Sempadan negara diiktiraf  
B Pendidikan berkembang  
C Hubungan luar terjalin  
D Ekonomi meningkat
- 23** Senarai berikut merupakan undang-undang Inggeris pertama diperkenalkan di negara kita.
- Charter of Justice I
  - Charter of Justice II
  - Charter of Justice III
- Di manakah undang-undang tersebut diperkenalkan?
- A Sarawak dan Sabah  
B Negeri-negeri Selat  
C Negeri-negeri Melayu Bersekutu  
D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
- 24** Maklumat berikut berkaitan kewarganegaraan yang diperkenalkan dalam perlembagaan.
- Rakyat Raja
  - Rakyat British
- Perlembagaan manakah yang mewujudkan kewarganegaraan tersebut?
- A Negeri-negeri Selat 1826  
B Persekutuan Tanah Melayu 1948  
C Persekutuan Tanah Melayu 1957  
D Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896
- 25** Gambar berikut berkaitan dengan cap Mohor Besar Raja-Raja.
- 
- Apakah kepentingan cap mohor tersebut?
- A Mengiktiraf kedudukan orang Melayu  
B Mengesahkan pelantikan Jemaah Menteri  
C Melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu  
D Mewartakan undang-undang digubal Parlimen


- 26 Rajah berikut berkaitan pengasingan kuasa dalam sistem pemerintahan negara kita.



Apakah peranan badan X?

- A Mengubal dasar negara
- B Mentafsir perlombagaan
- C Meluluskan undang-undang
- D Mengesahkan perbelanjaan kerajaan

- 27 Rajah berikut berkaitan bidang kuasa yang diperuntukan dalam Perlombagaan Persekutuan.



Apakah perkara dalam bidang kuasa Senarai X?

- A Pelajaran
- B Kesihatan
- C Undang-undang Islam
- D Keselamatan Dalam Negeri

- 28 Bagaimanakah cara mengatasi masalah berikut berdasarkan Perlombagaan Persekutuan?

| Masalah                                                             |
|---------------------------------------------------------------------|
| Undang-undang Negeri tidak selaras dengan undang-undang Persekutuan |

- A Undang-undang baru perlu digubal
- B Undang-undang di bawah Senarai Bersama dirujuk
- C Undang-undang yang digubal Parlimen diguna pakai
- D Undang-undang yang diluluskan Dewan Undangan Negeri dikuatkuasa

- 29 Jadual berikut berkaitan suruhanjaya yang ditubuhkan berkaitan pembentukan Malaysia.

| Pengerusi | Lord Cobbold                                                                                                                                                    |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Ahli      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sir Anthony Abell</li> <li>• Sir David Watherson</li> <li>• Wong Pow Nee</li> <li>• Muhammad Ghazali Shafie</li> </ul> |

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

- A Menamatkan konfrontasi Indonesia

- B Merangka Perlombagaan Persekutuan
- C Menyelesaikan bantahan negara Filipina
- D Meninjau pendapat penduduk Sarawak dan Sabah

- 30 Jadual berikut berkaitan perjanjian ditandatangani antara Indonesia dan Malaysia.

| Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia |                    |
|-----------------------------------------------------|--------------------|
| Tarikh                                              | 11 Ogos 1966       |
| Tempat                                              | Jakarta, Indonesia |
| Wakil Malaysia                                      | Tun Abdul Razak    |
| Wakil Indonesia                                     | Adam Malik         |

Apakah kepentingan persetujuan tersebut?

- A Menamatkan dasar konfrontasi
- B Memulakan hubungan diplomatik
- C Meningkatkan kerjasama ekonomi
- D Mengadakan latihan ketenteraan bersama

- 31 Senarai berikut merupakan isu yang menjadi cabaran selepas penubuhan Malaysia.

- Rusuhan kaum
- Kempen Malaysian Malaysia menuntut hak sama rata.
- Tuntutan menaikkan kadar faedah pinjaman Kerajaan Persekutuan.

Bagaimanakah Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman menangani isu tersebut?

- A Mengadakan referendum
- B Membawa kes ke mahkamah
- C Mengusulkan pemisahan Singapura
- D Membentuk Jawatankuasa Antara Kerajaan

- 32 Petikan berikut berkaitan Laporan Kertas Putih yang dikeluarkan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).

“Kalau peristiwa 13 Mei ini hendak di-elakkan daripada berlaku lagi; kalau Negara ini hendak selamat; mesti-lah kita pastikan supaya hal2 yang mungkin menimbulkan ketegangan tidak di-pergunakan oleh golongan2 opportunis yang tidak bertanggung-jawab”

- Laporan Kertas Putih Tragedi 13 Mei 1969

Bagaimanakah cara mengelakkan kejadian tersebut berulang?


- I Bertoleransi memelihara keharmonian masyarakat
  - II Meningkatkan aset pertahanan negara
  - III Melaksanakan perintah kawalan pergerakan
  - IV Mengagihkankekayaan negara secara adil
- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 33 Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan pada tahun 1974 untuk mengkaji semula pelaksanaan Sistem Pelajaran Kebangsaan.

Apakah hasil laporan jawatankuasa tersebut?


- I Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
- II Falsafah Pendidikan Negara (FPN)
- III Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)
- IV Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 34 Bagaimanakah kerajaan melaksanakan prinsip berikut untuk membentuk perpaduan kaum di negara kita?



- A Melahirkan Dasar Kebudayaan Kebangaan
- B Menguatkuasakan Akta Bahasa Kebangsaan
- C Membentuk Sistem Pendidikan Kebangsaan
- D Mewujudkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

- 35 Rajah berikut berkaitan strategi serampang dua mata untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).




Apakah X?

- A Membangunkan wilayah
- B Memupuk perpaduan kaum
- C Menyusun semula masyarakat
- D Merapatkan jurang antara negeri

- 36 Pasangan manakah **betul** tentang agensi dan peranannya dalam melaksanakan rancangan pembangunan ekonomi?

|   | Agensi | Peranan                            |
|---|--------|------------------------------------|
| A | MARDI  | Membangunkan tanah terbiar         |
| B | RISDA  | Penanaman semula getah             |
| C | BERNAS | Menjalankan penyelidikan pertanian |
| D | FELCRA | Menstabilkan harga padi            |

- 37 Rajah berikut berkaitan perkembangan dasar luar negara kita selepas merdeka.



Apakah X?

- A Dasar Pandang ke Timur
- B Dasar antikomunis
- C Dasar berkecuali
- D Dasar memihak

- 38 Rancangan berikut disertai oleh Malaysia dalam pertubuhan Komanwel.

Rancangan Colombo

Apakah faedah yang diperoleh negara kita melalui rancangan tersebut?

- A Menangani masalah pelarian
- B Memerangi kegiatan penyalahgunaan dadah
- C Mendapat khidmat nasihat dalam pendidikan
- D Menandatangani perjanjian pertahanan bersama

- 39 Apakah sumbangan rakyat Malaysia dalam isu global kontemporari melalui pertubuhan-pertubuhan berikut?

- Cinta Gaza Malaysia (CGM)
- Malaysian Medical Relief Society (MERCY)
- Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)

- A Mempromosi kelestarian global
- B Memperjuang isu kemanusiaan
- C Menangani kemelesetan ekonomi
- D Membanteras pemerdagangan manusia

- 40 Gambar berikut berkaitan benua Antartika.



Apakah pendirian Malaysia berkaitan benua tersebut?

- A Zon bebas nuklear
- B Warisan manusia sejagat
- C Pemilikan Negara-Negara Berkecuali
- D Tuntutan bertindih negara berdekatan

## Kertas 2

### Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Sistem Ahli telah dilaksanakan dari bulan Januari 1951 hingga bulan Jun 1955.

- (a) Apakah ciri-ciri Sistem Ahli?

---

---

[2 markah]

- (b) Jelaskan kepentingan Sistem Ahli ke arah kemerdekaan negara kita.

---

---

---

[4 markah]

- (c) Sistem Ahli merupakan proses memupuk perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum.

Mengapakah British menekankan perkara di atas sebelum bersetuju memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu?

---

---

---

[4 markah]

- 2 Pada 8 Mac 1956, setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu, kerajaan British mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid. Suruhanjaya ini memulakan tugasnya pada akhir bulan Jun 1956.

- (a) Namakan dua orang ahli Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]

- (b) Jelaskan peranan Suruhajaya Reid dalam menggubal perlembagaan negara yang merdeka.

---

---

[4 markah]

- (c) Perlembagaan Merdeka dirangka oleh Suruhanjaya Reid dengan mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak.

Mengapakah pandangan mereka diambil kira? Beri hujah anda.

---

---

---

[4 markah]

- 3 Petikan berikut adalah sebahagian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI bersempena dengan Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Parliment Malaysia pada 18 Mei 2020.

**Ahli-ahli Yang Berhormat,**

Sesungguhnya, Beta telah menggalas amanah dengan telus dan adil selaras dengan konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang menjadi tunjang amalan negara kita.

Pada masa yang sama, Beta juga menghargai kematangan dan kerjasama semua ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat jelata yang telah memainkan peranan dengan penuh berhemah dan beretika sehingga membolehkan Beta menggalas amanah ini.

- (a) Nyatakan ciri pemerintahan yang dimaksudkan dalam titah tersebut.

---

---

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah Ahli-ahli Yang Berhormat memainkan peranan dalam sistem pemerintahan negara kita?

---

---

---

[4 markah]

- (c) Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang menjadi tunjang amalan di negara kita telah membentuk pentadbiran yang sistematik dan unggul.

Berikan ulasan anda.


---

---

---

[4 markah]

- 4 Peta berikut menunjukkan rancangan Pembangunan Koridor Wilayah di negara kita.



- (a) Nyatakan **dua** negeri atau kawasan yang terlibat dalam rancangan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

---

---

[2 markah]

- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah negeri-negeri di pantai Barat Semenanjung Malaysia tidak terlibat dalam rancangan Pembangunan Koridor Wilayah?

---

---

---

[4 markah]

- (c) Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah yang dilaksanakan di seluruh negara memberi manfaat kepada rakyat dan negara.  
Berikan ulasan anda.

---

---

---

[4 markah]

### Bahagian B

[60 markah]

*Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.*

- 5 Perkembangan nasionalisme di negara kita meninggalkan kesan yang dapat dilihat dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

- (a) Jelaskan peranan pendidikan dalam menyemarakkan perkembangan nasionalisme di negara kita. [4 markah]
- (b) Tokoh berikut memainkan peranan penting dalam pendidikan yang menyemarakkan semangat nasionalisme di negara kita pada abad ke-20.



Terangkan peranan tokoh di atas.

[8 markah]

- (c) Nasionalisme, iaitu perasaan cinta akan negara membawa maksud perasaan ingin membebaskan negara daripada belenggu penjajahan dan rakyat dapat hidup dengan harmoni.  
Mengapakah semangat ini penting kepada sesebuah negara seperti Malaysia?  
Kemukakan alasan anda. [8 markah]

- 6 Darurat memberikan kesan jangka panjang terhadap negara kita dari aspek politik dan sosioekonomi.

- (a) Jelaskan kesan darurat dari aspek politik. [4 markah]
- (b) Terangkan penderitaan dan kesengsaraan hidup yang terpaksa dihadapi oleh rakyat semasa zaman darurat. [8 markah]
- (c) Andaikan anda hidup pada zaman darurat. Bagaimanakah anda akan membantu kerajaan dalam usaha menghapuskan ancaman komunis?  
Kemukakan alasan anda. [8 markah]

- 7 Petikan berikut adalah sebahagian daripada kandungan Laporan Tragedi 13 Mei yang dikeluarkan oleh Majlis Gerakan Negara.

Hari 13 Mei 1969 akan tercatit di dalam sejarah kita sebagai hari tragedi nasional. Pada hari itu asas pendirian negara kita telah menerima paluan yang sehebat-hebatnya pernah dialami dengan meletusnya rusuhan antara kaum. Mujurla kerajaan telah mengambil tindakan yang segera dan tegas dibantu dengan setianya oleh tentera dan polis, maka dapatlah pihak berkuasa mengawal keadaan secepatnya.

- (a) Apakah faktor yang menyebabkan tercetusnya tragedi tersebut? [4 markah]  
 (b) Jelaskan langkah yang diambil untuk menghentikan rusuhan 13 Mei 1969 daripada merebak ke seluruh negara. [8 markah]  
 (c) Peristiwa 13 Mei 1969 memberi iktibar supaya rakyat berbilang kaum dan pegangan agama bergerak lebih dekat kepada perpaduan antara kaum dan integrasi nasional.  
 Beri ulasan anda. [8 markah]

- 8 Rajah berikut berkaitan rancangan pembangunan untuk kemakmuran negara kita.

| Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1)          | Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2)                        |
|----------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------|
| Dasar Ekonomi Baru (DEB)<br>1970 – 1990                  | Dasar Pembangunan Nasional (DPN)<br>1991 - 2000                      |
| Matlamat untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan kaum | Matlamat untuk mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan |

- (a) Apakah persamaan strategi mencapai matlamat dasar ekonomi tersebut? [4 markah]  
 (b) Jelaskan pencapaian dasar-dasar ekonomi tersebut. [8 markah]  
 (c) Pernyataan berikut berkaitan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Matlamat utama Kemakmuran Bersama adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat pada 2030.

Anda sebagai pemimpin generasi muda, rancangkan pelan strategik untuk mencapai matlamat tersebut. Jelaskan pelan strategik anda. [8 markah]

- 9 Jadual berikut berkaitan penglibatan Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

| Tarikh        | Persitiwa                                                                                                                                  | Negara Terlibat         |
|---------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|
| Ogos 1967     | Menandatangani Deklarasi Bangkok 1967 yang menandakan kelahiran ASEAN dengan mengeratkan ikatan menerusi semangat setiaawan dan kerjasama. | 5 negara pengasas ASEAN |
| Disember 2015 | Menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur 2015 bagi menubuhkan Komuniti ASEAN untuk meningkatkan intergrasi serantau.                          | 10 negara ASEAN         |

- (a) Jelaskan sejarah penubuhan ASEAN. [4 markah]  
 (b) Bagaimanakah Malaysia berperanan dalam ASEAN untuk memberi manfaat kepada kestabilan dan kemakmuran serantau? [8 markah]  
 (c) Sebagai generasi pemimpin muda ASEAN, apakah harapan terhadap masa hadapan ASEAN melalui penubuhan Komuniti ASEAN?  
 Beri ulasan anda. [8 markah]

# Kertas Model SPM 2

## Kertas 1

**Arahān:** Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.

- 1 Apakah sistem pentadbiran yang diamalkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?  
A Sistem Pembesar Tempatan  
B Sistem Pembesar Empat Lipatan  
C Sistem Pentadbiran Melayu Melaka  
D Sistem Pembesar Enam Belas Lipatan
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan Sistem Pembesar Empat Lipatan yang diamalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka.

Beliau juga turut memastikan sukatan dan timbangan pedagang betul agar tidak berlaku penindasan dan unsur penipuan semasa urusan jual beli.

- Siapakah yang dimaksudkan dalam pernyataan tersebut?
- |              |              |
|--------------|--------------|
| A Bendahara  | C Laksamana  |
| B Temenggung | D Syahbandar |
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan revolusi yang berlaku di Eropah pada abad ke-17 dan abad ke-18.

| Tahun | Revolusi                      |
|-------|-------------------------------|
| 1688  | Revolusi Keagungan di England |
| 1789  | Revolusi Perancis             |

- Apakah kesan revolusi tersebut terhadap Eropah?
- |                                       |
|---------------------------------------|
| A Kuasa rakyat terjejas               |
| B Ideologi komunis terhalang          |
| C Kuasa raja mutlak diperkuatkan      |
| D Kerajaan berperlembagaan ditegakkan |
- 4 Gerakan nasionalisme tempatan pada peringkat awal digerakkan oleh golongan berpendidikan agama yang dikenali sebagai Kaum Muda. Siapakah pendorong golongan ini?  
I Syed Sheikh al-Hadi  
II Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin

III Raja Chulan Raja Abdullah IV Muhammad Eunos Abdullah

- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 5 Bagaimanakah keadaan sistem politik di Eropah selepas Perang Dunia Pertama?  
A Sistem feudal dihapuskan  
B Kuasa raja bertambah kukuh  
C Sistem pemerintahan beraja berakhir  
D Konsep raja berperlembagaan diperkenalkan
- 6 Situasi berikut telah berlaku semasa pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu.


Pendudukan Jepun membawa kepada kemelesetan ekonomi dengan kadar inflasi yang tinggi serta harga barang yang melambung tinggi.

Apakah tindakan Jepun untuk menanganinya?

- |                                         |
|-----------------------------------------|
| A Mengimport makanan dari Jepun         |
| B Mencetak banyak wang pokok pisang     |
| C Memperkenalkan kad catuan makanan     |
| D Memperkenalkan sistem ekonomi kawalan |
- 7 Apakah yang dilakukan oleh ahli parlimen British, iaitu Gammans dan Rees William semasa demonstrasi besar-besaran orang Melayu?  
A Menerangkan tentang gagasan Malayan Union  
B Mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu  
C Menyertai demonstrasi bersama-sama orang Melayu  
D Meninjau reaksi orang Melayu terhadap gagasan Malayan Union
  - 8 Apakah muslihat British memberi kewarganegaraan secara *jus soli* kepada bukan Melayu?  
A Mereka tiada negara untuk diduduki  
B Menjamin penguasaan ekonomi berterusan  
C Memastikan sokongan bukan Melayu terhadap British  
D Mengelakkan mereka menyertai Parti Komunis Malaya

- 9 Apakah faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948?
- Melaksanakan dasar dekolonialisasi British
  - Mendapat sokongan orang bukan Melayu
  - Menuntut kemerdekaan daripada orang Melayu
  - Menolak kerjasama UMNO dan kerajaan British

- 10 Rajah berikut merujuk kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Apakah X?

- Secara kuat kuasa persekutuan
- Secara kuat kuasa pentadbiran
- Secara kuat kuasa undang-undang
- Secara kuat kuasa kewarganegaraan

- 11 Maklumat berikut merujuk karya yang berkaitan fahaman komunis.

- Das Kapital
- Communist Manifesto

Siapakah penulis karya di atas?

- |                |                      |
|----------------|----------------------|
| I Richard Marx | III Frederich Engels |
| II Karl Marx   | IV Frederich Thomas  |
| A I dan II     | C II dan III         |
| B I dan IV     | D III dan IV         |

- 12 Pada tahun 1950-an British telah menganjurkan ‘Kempen Memenangi Hati dan Fikiran Rakyat’. Apakah kepentingan kempen tersebut?
- Mewujudkan kestabilan politik
  - Menubuhkan pelbagai parti politik
  - Meningkatkan taraf hidup rakyat rakyat
  - Menyatukan penduduk menentang komunis

- 13 Kerajaan Perikatan membentuk sebuah Jawatankuasa Pelajaran yang dipengerusikan oleh Dato’ Abdul Razak Hussein.

Apakah jawatankuasa tersebut?

- Akta Razak
- Penyata Razak 1956
- Laporan Razak 1956
- Ordinan Pelajaran Razak


- 14 Senarai berikut merujuk parti-parti yang berjuang menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

- Parti Negara
- Independence of Malayan Party (IMP)

Apakah persamaan kedua-duanya?

- Menjaga kebijakan semua kaum di Tanah Melayu
- Berpegang kepada konsep berjuang secara kekerasan
- Berpegang pada konsep kerjasama semua kaum dalam satu parti
- Menyertai Parti Perikatan untuk mencapai matlamat kemerdekaan

- 15 Rajah berikut berkaitan proses pilihan raya.




Apakah X dan Y?

- Penamaan calon
  - Hari mengundi
  - Pengumuman keputusan
  - Rang undang-undang diluluskan
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV

- 16 Apakah kesan daripada penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 di Tanah Melayu?

- Kerajaan Persekutuan yang dibentuk dipimpin oleh pegawai British
- Kerajaan diketuai Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri
- Kuasa pegawai British dikenalkan dalam sebarang urusan pentadbiran
- Kuasa Pesuruhjaya Tinggi British dipindahkan kepada rakyat tempatan


- 17 Rajah berikut merujuk usaha kemerdekaan negara kita.



Apakah tujuan utama rombongan X di atas?

- Menggubal perlombagaan Tanah Melayu
- Membincangkan hal berkaitan pilihan raya
- Berunding tentang pembentukan kabinet baru
- Berunding tentang kemerdekaan Tanah Melayu

- 18 Beberapa cadangan asal Suruhanjaya Reid telah dipindah agar dapat diterima oleh semua pihak. Apakah pindaan yang dipersetujui bersama?
- I Konsep raja berkuasa mutlak  
